

## ANALISIS KEPERLUAN TERHADAP PENGGUNA SASARAN MODUL PENDEKATAN BERASASKAN BERMAIN BAGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KEMAHIRAN BAHASA KANAK-KANAK PRASEKOLAH

Aliza Ali  
Zamri Mahamod  
alizatra@yahoo.com

Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

**Abstract:** In research on module development, needs analysis is carried out to ensure the product created can fulfil user needs. This research was undertaken in order to identify the needs and specifications of a module based on play approach for teaching and learning of language skills among preschool children. To create a module able to fulfil the needs of teachers as users, needs analysis was carried out on 10 preschool teachers from different schools under the Ministry of Education Malaysia. Data collection was through semi-structured interviews and the sampling technique was purposive sampling. Qualitative data from interviews with teachers were categorized and analyzed to identify themes for making sense of the data. Data analysis unearthed four major themes, namely: (1) The play approach was suitable for teaching and learning activities among preschool children, (2) The existing teaching approach did not focus on the play approach, (3) Teachers need appropriate sources and materials to motivate language learning in pupils, and (4) Teaching and learning activities need to consider the language capabilities of pupils. Analysis of the findings shows that the module based on play approach for teaching and learning language skills among preschool children has the potential for development. Apart from the four main themes identified, suggestions and specifications derived from interviews with teachers gave useful information for developing the module contents. The findings will be used for designing and developing the module in the next phase. The findings are expected to assist in producing a module capable of solving existing problems among teachers and motivating language skills teaching and learning among preschool children.

**Keywords:** Development research, module design, needs analysis, preschool teachers, play approach, language skills

### PENGENALAN

Pendidikan prasekolah berfokus kepada kurikulum berpusatkan murid melalui pelbagai aktiviti yang melibatkan murid secara aktif seperti belajar melalui bermain. Aktiviti bermain di prasekolah dianggap penting kerana melalui bermain kanak-kanak membina pengetahuan (Morrison, 2011). Di Malaysia transformasi kurikulum pendidikan prasekolah yang memfokuskan kepada kurikulum berpusatkan murid telah menghasilkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Perubahan secara holistik dilakukan kepada KSPK berdasarkan kurikulum prasekolah sedia ada dengan mengambil kira aspek kandungan, pedagogi, peruntukan, masa, kaedah, pentaksiran, bahan dan pengurusan (KPM, 2010). Salah satu aspek penting yang ditekankan KSPK ialah amalan yang bersesuaian dengan perkembangan atau *Developmentally Appropriate Practices* (DAP). Berdasarkan DAP, fokus utama KSPK ialah proses pengajaran dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak seperti belajar melalui bermain (KPM, 2010).

Keperluan mengintegrasikan pendekatan bermain dalam kurikulum pendidikan awal kanak-kanak sudah lama dikenal pasti oleh pengkaji dalam pendidikan awal kanak-kanak (Bodrova & Leong, 2010). Tokoh dalam pendidikan awal kanak-kanak dan ahli psikologi seperti Jean Piaget (1951), Lev *Semanovich* Vygotsky (1978), Maria Montessori (1970), Eric Erikson (1950) dan Jerome Bruner (1950) percaya bahawa bermain ialah aktiviti dan permainan ialah objek pembelajaran. Menurut Piaget (1951) kanak-kanak belajar secara aktif menggunakan objek di sekeliling semasa bermain dan berinteraksi dengan persekitaran. Teori Vygotsky (1978) mengatakan kemahiran dan pengetahuan kanak-kanak berkembang apabila terlibat dengan permainan yang dikongsi dengan rakan dan disokong orang dewasa. Proses yang digunakan kanak-kanak untuk membina pemahaman tentang sesuatu konsep melibatkan interaksi kanak-kanak dengan bahan (Wortham, 2010). Pembelajaran melalui bermain lebih memberangsangkan melalui pembelajaran yang menyeronokkan. Pembelajaran yang menyeronokkan atau *playful learning* adalah gabungan permainan bebas (*free-flow play*) dengan permainan yang dibimbing (*guided play*). Kedua-dua permainan

bebas dan permainan yang dibimbing adalah elemen penting dalam melakukan pembelajaran yang menyenangkan dan berpusatkan kanak-kanak (White, 2012).

Daripada aspek pembelajaran bahasa, bermain ialah cara terbaik untuk membantu kanak-kanak menguasai konsep bahasa yang abstrak melalui pengalaman konkrit. Pendekatan bermain berpotensi untuk diaplikasikan di prasekolah bagi memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa (Aliza & Zamri, 2014). Kebanyakan kanak-kanak menguasai bahasa dan memperoleh pengalaman pembelajaran secara tidak formal (Almon & Miller, 2012). Melalui bermain, penguasaan bahasa kanak-kanak meningkat apabila mereka cuba memahami hubungan antara objek permainan dengan simbol (Einarsdottir, 2012). Bermain seperti melabelkan gambar ataupun objek di sekeliling dengan bahan bercetak berupaya meningkatkan pemahaman kanak-kanak tentang apa yang dibaca. Permainan fizikal membantu kanak-kanak mengaitkan perkataan dengan gambar ataupun dengan objek untuk memahami konsep makna. Pertuturan semasa permainan drama membolehkan kanak-kanak belajar menggunakan struktur ayat dengan betul tanpa belajar tatabahasa secara langsung. Bermain dapat membantu kanak-kanak menguasai bahasa daripada aspek perbendaharaan kata dan peraturan tatabahasa (Jamieson, 2009).

## **ANALISIS KEPERLUAN SEBAGAI FASA PERMULAAN KAJIAN**

Kajian ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat daripada guru prasekolah tentang keperluan modul yang akan dibangunkan bagi menyelesaikan masalah sedia ada guru. Dalam kajian pembangunan modul, kajian analisis keperluan adalah sebahagian daripada proses kajian reka bentuk dan pembangunan modul. Menurut Richey dan Klein (2007), kekuatan kajian reka bentuk dan pembangunan modul ialah kajian ini digunakan untuk menyelesaikan masalah dalam konteks yang spesifik. Fasa analisis ialah fasa permulaan kajian iaitu maklumat dalam konteks dan persekitaran yang hendak dikaji dikumpulkan (Saedah Siraj, Norlidah Alias, Dorothy DeWitt, & Zaharah Hussin, 2013). Jadi, sebelum modul dibangunkan, kajian analisis keperluan dilakukan untuk mengetahui kebarangkalian berlakunya permasalahan. Tujuan fasa analisis adalah untuk mengenal pasti sebab kebarangkalian berlakunya permasalahan (Branch, 2009; Gagne, Wager, Golas, & Keller, 2005) dan melakukan apa yang perlu untuk menyelesaikan masalah (Reinbold, 2013). Fasa analisis keperluan memberikan maklumat yang penting dalam menentukan reka bentuk dan pembangunan bahan instruksi dalam fasa seterusnya (Gagne et al., 2005). Dalam konteks penyelidikan ini, kajian analisis keperluan dilakukan pada permulaan kajian pembangunan modul bagi mengetahui pengajaran bagaimanakah yang sesuai dilakukan guru supaya pembelajaran kemahiran bahasa kanak-kanak menjadi lebih bermakna. Bagi memenuhi tujuan ini, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti apakah yang diperlukan guru dalam melakukan pendekatan berasaskan bermain bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa kanak-kanak prasekolah.

Bagi memenuhi tujuan ini, terdapat beberapa aspek tentang kumpulan sasaran dikenal pasti bagi memastikan modul yang dihasilkan dapat digunakan. Rashidah (2013) mengatakan fasa analisis merupakan fasa pertama kajian bertujuan untuk mengenal pasti beberapa aspek yang berkaitan dengan kumpulan sasaran. Kumpulan sasaran berupaya memberi maklumat yang berguna untuk membangunkan modul yang dapat memenuhi keperluan pengguna. Semasa proses reka bentuk dan pembangunan modul, dapatan analisis keperluan dinilai dan digunakan untuk membangunkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Dalam kajian ini, analisis keperluan dilakukan setelah masalah dikenal pasti dan maklumat tentang perincian dan spesifikasi modul diperolehi daripada guru. Menurut Richey dan Klein (2007) analisis keperluan adalah untuk menentukan spesifikasi produk. Jadi, kajian analisis keperluan adalah penting dalam menentukan produk bagaimanakah yang sesuai dihasilkan untuk guru supaya permasalahan sedia ada dapat diselesaikan demi pengajaran yang lebih berkesan. Dapatan dan cadangan dalam fasa analisis digunakan dalam fasa reka bentuk dan pembangunan modul (DeWitt, 2010). Fasa analisis memberikan maklumat yang penting untuk digunakan dalam fasa reka bentuk dan pembangunan modul seterusnya (Gagne et al., 2005). Maklumat hasil analisis keperluan digunakan untuk menentukan kandungan bahan instruksi secara optimal dan kaedah penyampaian pengajaran (Richey & Klein, 2007).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Sejak pelaksanaan Buku Panduan Prasekolah Malaysia 1986 sehingga pelaksanaan KSPK pada 2010, pendekatan belajar melalui bermain disarankan dalam kurikulum prasekolah negara. Walau bagaimanapun, Bahagian Pembangunan Kurikulum (2008) melaporkan guru masih menggunakan pengajaran dan pembelajaran secara langsung semasa mengajar. Kajian lepas mendapati amalan guru masih tertumpu kepada pengajaran secara langsung dan tidak mengutamakan pendekatan bermain di prasekolah (Fauziah, 2009; Saayah, 2004; Sharifah et al., 2009). Kajian Aliza (2012) mendapati guru prasekolah tidak memfokuskan pendekatan bermain bagi pengajaran dan pembelajaran bahasa kerana kurang pengetahuan dan kemahiran menyesuaikan pendekatan ini dengan pengajaran bahasa. Menurut Miller

dan Almon (2009), cabaran utama untuk menerap amalan guru melakukan pendekatan bermain yang menyeronokkan ialah ramai guru baharu belum cukup berpengalaman untuk mengajar di dalam bilik darjah yang berpusatkan kanak-kanak. Mereka masih memerlukan sumber, panduan, bimbingan dan latihan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran lebih-lebih lagi melakukan pengajaran bahasa dalam persekitaran pembelajaran yang berpusatkan murid. Walau bagaimanapun, tidak ramai pembangun program instruksi berupaya menghasilkan panduan yang jelas untuk pengajaran bahasa. Pembangun program sering gagal menghasilkan panduan yang jelas bagaimana untuk melakukan aktiviti pengajaran dengan berkesan terutamanya bagi pengajaran bahasa yang memerlukan guru mengamalkan pengajaran yang lebih efisien (Gunn, Vadasy, & Smolkowski, 2011).

Di Malaysia, transformasi kurikulum berasaskan standard dalam KSPK memerlukan guru yang benar-benar profesional iaitu mereka perlu melakukan pengajaran yang dapat memenuhi standard dan juga mengambil kira keperluan murid. Bagi meningkatkan pengetahuan guru, panduan dalam bentuk program instruksi perlu dibangunkan supaya guru dapat menyesuaikan pembelajaran berpusatkan murid dengan standard yang hendak dicapai. Dalam memenuhi standard, guru memerlukan panduan yang bersesuaian supaya mereka dapat melaksanakan pendekatan bermain dalam keadaan yang fleksibel (Almon & Miller, 2012). Di dalam dokumen KSPK, modul Tunjang Komunikasi Bahasa Melayu ada menyatakan aspek kemahiran bahasa Melayu yang perlu dikuasai murid prasekolah. Komponen ini menyarankan guru melakukan pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa melalui pelbagai aktiviti dan permainan bahasa yang menyeronokkan (KPM, 2010). Walau bagaimanapun KSPK tidak memperincikan bagaimana proses pengajaran dan pembelajaran melalui aktiviti bermain bagi mempertingkatkan kemahiran bahasa kanak-kanak. Jadi, kajian analisis keperluan wajar dilakukan bagi mengenal pasti pengajaran dan pembelajaran yang perlu dibangunkan di dalam modul.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan berdasarkan keperluan pengkaji untuk mendapatkan data bagi menghasilkan modul pendekatan berasaskan bermain bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa kanak-kanak prasekolah. Analisis keperluan dilakukan bagi mengenal pasti keperluan modul sebelum modul dibangunkan dan dinilai dalam fasa seterusnya (Saedah et al., 2013). Jadi, objektif kajian analisis keperluan dilakukan bagi mendapatkan data tentang keperluan modul dan spesifikasi modul yang akan dibangunkan.

### Objektif Kajian

Kajian reka bentuk dan pembangunan modul memfokuskan kepada proses pembangunan produk yang melibatkan beberapa fasa dan setiap fasa menggunakan metodologi yang berbeza bagi tujuan pengumpulan data (Saedah et al., 2013). Bagi memperoleh data yang dapat digunakan untuk menghasilkan modul yang dapat memenuhi keperluan guru, objektif kajian bagi fasa analisis keperluan adalah seperti berikut:

- Mengenal pasti keperluan modul yang sesuai digunakan guru untuk melakukan pendekatan bermain bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa kanak-kanak prasekolah.

Berdasarkan objektif kajian, penyelidikan ini juga dilakukan untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan berikut:

- Apakah yang diperlukan untuk menghasilkan modul yang sesuai digunakan guru untuk melakukan pendekatan bermain bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa kanak-kanak prasekolah?

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual secara separa struktur terhadap 10 guru prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dari sekolah yang berbeza. Kaedah ini digunakan Norlidah (2010) untuk mendapatkan data analisis keperluan bagi menghasilkan modul pedagogikal fizik. Teknik pemilihan sampel dilakukan secara bertujuan dengan memilih responden daripada kumpulan homogenous tetapi dapat memberikan maklumat yang pelbagai. Responden kajian dipilih berdasarkan kriteria guru yang melaksanakan KSPK dan mempunyai kelayakan akademik pada peringkat ijazah dalam bidang pendidikan prasekolah. Bagi menjangkakan soalan-soalan yang dapat memberikan maklumat yang lebih baik, transkrip temu bual yang dirintiskan sebelum temu bual sebenar diambil kira. Pengkaji memilih seorang responden yang mempunyai ciri yang sama dengan sampel kajian sebenar untuk ditemu bual bagi melihat kesesuaian soalan. Berdasarkan kajian rintis terdapat dua soalan dipermudahkan dan diperbaiki. Soalan yang diperbaiki digunakan dalam kajian sebenar. Sebaik sahaja proses temu bual dan pengumpulan data dalam kajian sebenar dilakukan, pengkaji melengkapkan transkrip dan mengembalikan semula transkrip kepada responden untuk disemak. Setelah transkrip disemak, responden menandatangani borang pengesahan temu bual bagi mengesahkan maklumat temu bual. Transkrip temu bual yang disahkan dianalisis menggunakan indeks. Proses

mengindeks transkrip dilakukan dengan melabelkan kod tersendiri pada setiap responden kajian. Data temu bual dikategori, disubkategori dan dianalisis menggunakan kaedah pengekodan bagi menghasilkan tema (Miles & Huberman, 2014).

## DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis data temu bual, dapatan kajian yang diperoleh daripada sepuluh responden menghasilkan empat tema seperti berikut:

### **Tema 1: Pendekatan bermain ialah cara yang sesuai untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak prasekolah**

Seramai sembilan responden setuju dengan penggunaan pendekatan bermain apabila ditanya tentang penggunaan pendekatan ini di prasekolah. Lima responden mengatakan pendekatan bermain mendatangkan keseronokan kepada murid untuk belajar. Manakala enam responden berpendapat kanak-kanak lebih bermotivasi dan dapat belajar dengan lebih baik melalui bermain. Sebagai contoh responden 1 (R1) mengatakan bahawa:

R1: *“Pendekatan ni sangat sesuai. Budak-budak memang suka kalau disuruh bermain. Mereka dapat belajar dengan lebih baik melalui bermain.”*

Manakala responden 8 (R8) dan 10 (R10) mengatakan pendekatan bermain menyeronokkan kanak-kanak dan kanak lebih mudah menguasai pembelajaran melalui bermain.

R8: *“Pendekatan ini menyeronokkan kanak-kanak dan kanak-kanak semua teruja dan hendak pegang bahan permainan. kanak-kanak lebih mudah menguasai pembelajaran melalui bermain. Bila diberikan lembaran kerja, mereka lebih mudah buat sebab sudah menguasai melalui permainan.”*

R10: *“Sangat sesuai dengan kanak-kanak dan saya setuju dengan pendekatan ini. Kanak-kanak prasekolah seharusnya diajar melalui bermain. Kanak-kanak gembira dengan pendekatan ini. Mereka dapat menguasai pembelajaran dengan lebih cepat berbanding kalau guna direct instruction. Pendekatan bermain cara terbaik untuk bantu kanak-kanak lemah untuk belajar dengan lebih baik. Belajar melalui bermain ialah pembelajaran yang menggembirakan kanak-kanak.”*

### **Tema 2: Pengajaran sedia ada guru tidak berfokus kepada pendekatan bermain**

Apabila ditanya tentang bagaimana guru melakukan pengajaran kemahiran bahasa di sekolah, kebanyakan guru mengatakan mereka tidak menggunakan pendekatan bermain atas faktor masa, bahan, kawalan murid dan perancangan. Hasil temu bual mendapati cara pengajaran sedia ada guru tidak memfokuskan kepada pendekatan bermain. Seramai empat responden mengatakan mereka jarang menggunakan pendekatan bermain di sekolah. Lima responden menyuarakan bahawa kesukaran mendapatkan bahan permainan yang sesuai dengan pengajaran bahasa menyukarkan pelaksanaan pendekatan bermain. Manakala dua responden mengatakan faktor masa menjadi kekangan untuk melaksanakan pendekatan ini. Seorang responden mengatakan penggunaan pendekatan bermain memerlukan guru melakukan perancangan yang teliti dan tersusun. Sebagai contoh, menurut responden 2 (R2) faktor bahan, masa dan kawalan menyebabkan beliau jarang menggunakan pendekatan ini di prasekolah.

R2: *“Pernah buat tapi jarang. Bahan tak cukup. Masa tak cukup dan susah nak kawal murid. Bahan yang dibekalkan tak semuanya boleh digunakan untuk pengajaran tertentu.”*

Respons yang sama juga diberikan responden 6 (R6).

R6: *“Ada murid dapat mengenal huruf dan membaca perkataan dengan menggunakan pendekatan bermain, tetapi pendekatan ini tidak digunakan setiap hari.”*

Manakala responden 10 (R10) mengatakan faktor masa dan perancangan menyebabkan kebanyakan guru tidak melaksanakan pendekatan ini.

R10: *“Pernah tetapi kebanyakan cikgu tak menggunakan pendekatan ini sebab tak cukup masa. Mereka ada masalah dengan perancangan sebab tu tak cukup masa.”*

### Tema 3: Guru memerlukan sumber dan bahan yang sesuai untuk merangsang pembelajaran bahasa murid

Kesemua 10 responden mengatakan mereka perlukan sumber dan bahan yang sesuai untuk melakukan pendekatan bermain bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa. Mereka mencadangkan modul yang memperincikan bagaimana hendak mengajar kemahiran bahasa menggunakan pendekatan bermain. Antara cadangan yang dikemukakan ialah langkah-langkah terperinci, kaedah, teknik, peruntukan masa, cadangan permainan dan cadangan bahan permainan yang bersesuaian. Seramai lima responden mencadangkan supaya modul ini memperincikan langkah-langkah pelaksanaan dan menerangkan bagaimana pelaksanaan ini dapat dilakukan. Tiga responden mencadangkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dapat merangsang minat murid. Seramai dua responden mencadangkan supaya modul ini mengandungi rancangan pengajaran. Dua lagi mencadangkan supaya ada peruntukan masa yang fleksibel dan dua yang lain mencadangkan supaya dilampirkan lembaran kerja murid. Sebagai contoh, responden 3 (R3), responden 4 (R4) dan responden 7 (R7) mengatakan perlu ada bahan yang mencadangkan bagaimana hendak melakukan pendekatan bermain bagi pengajaran kemahiran bahasa murid.

R3: *“Cadangan tentang bagaimana nak melakukan pengajaran ini. Seperti penyediaan bahan. Saya cadangkan modul itu ada slot pengajaran, contoh permainan, arahan permainan yang jelas, contoh lampiran soalan, contoh lampiran aktiviti dan permainan bahasa.”*

R4: *“Panduan dan aktiviti cadangan mungkin membantu. Mesti banyak contoh aktiviti permainan. Aktiviti permainan perlulah yang merangsang pengajaran dan pembelajaran murid, bukan bermain semata-mata. Permainan di dalam modul hendaklah yang dapat merangsang minat murid-murid untuk belajar. Perlu ada perancangan yang baik.”*

R7: *“Saya cadangkan modul yang mengandungi langkah-langkah yang mudah dan berkesan. Ada penerangan yang jelas apa, mengapa dan bagaimana cikgu boleh melakukan pengajaran yang bersesuaian dengan kanak-kanak prasekolah. Ada banyak contoh rancangan mengajar supaya dapat membantu guru mengajar. Bahan permainan yang digunakan haruslah sesuai dengan peringkat perkembangan kanak-kanak. Senang dan mudah didapati.”*

### Tema 4: Aktiviti pengajaran perlu mempertimbangkan keupayaan bahasa murid

Seramai lima responden mengatakan bahawa aktiviti pengajaran kemahiran bahasa perlu dilakukan berdasar keupayaan dan kemampuan bahasa murid. Menurut responden, kebanyakan murid mempunyai latar belakang berbeza. Jadi, penggunaan bahasa yang mudah difahami dan sesuai dengan keupayaan murid perlu diambil kira semasa melakukan pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa. Seramai empat responden mengatakan keupayaan bahasa kanak-kanak prasekolah sangat terbatas. Dua responden mengatakan ada kanak-kanak peringkat prasekolah belum bersedia untuk belajar dan datang daripada latar belakang yang berbeza. Jadi mereka sukar untuk memahami bahasa yang digunakan. Sebagai contoh responden 3 (R3), responden 4 (R4) dan responden 5 (R5) mengatakan:

R3: *“Kanak-kanak umur antara empat hingga enam tahun belum terdedah lagi dengan bahasa yang standard. Mereka guna bahasa seharian yang mereka dapati daripada hubungan komunikasi dengan keluarga di rumah dan rakan sebaya. Bahasa yang digunakan ialah bahasa mudah dan bukan kompleks. Kadang-kadang mereka guna bahasa yang tidak teratur daripada segi penyampaian.”*

R4: *“Kemahiran bahasa kanak-kanak sangat terhad, bergantung kepada di mana murid itu tinggal dan dilahirkan. Juga bergantung kepada pergaulan, persekitaran dan tahap pembelajaran murid. Jika murid itu tinggal di dalam rumah sahaja dan tidak terdedah dengan dunia luar maka bahasa dia terhad dengan kosa kata yang ada. Jika murid itu tinggal bermasyarakat, maka kosa katanya banyak. Ada murid yang datang daripada latar belakang yang berbeza.”*

R6: *“Murid yang belum bersedia untuk belajar. Kebanyakan murid di prasekolah masih lagi berusia 5 tahun dan belum mencapai 6 tahun. Mereka tidak faham arahan.”*

### KESIMPULAN

Kajian analisis keperluan memerlukan pengkaji melakukan pengumpulan maklumat tentang konteks dan situasi kajian daripada guru yang juga merupakan pengguna sasaran modul. Dalam konteks kajian ini pengkaji

mengumpulkan maklumat tentang amalan sedia ada guru dan keperluan guru supaya maklumat yang diperolehi dapat membantu pengkaji menghasilkan modul yang berupaya menyelesaikan masalah sedia ada guru. Hasil analisis keperluan mendapati modul pendekatan bermain wajar dibangunkan untuk membantu guru melakukan pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa dengan lebih baik. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan guru bersetuju dengan kepentingan pendekatan bermain dan faedah pendekatan ini terhadap kanak-kanak. Walau bagaimanapun guru didapati jarang melakukan pendekatan ini di sekolah. Berhubung dengan hal ini, respons guru yang positif tidak bermakna mereka mengamalkan pendekatan bermain di prasekolah. Moyles (2005) melaporkan kebanyakan guru pada peringkat pendidikan awal kanak-kanak tidak melakukan pendekatan bermain di sekolah walaupun mereka bersetuju dan mengetahui faedah bermain dalam pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak. Kajian Wen et al. (2011) mendapati kebanyakan guru tidak mengamalkan pembelajaran berpusatkan murid tetapi bersetuju dengan pendekatan ini kerana mereka telah didedahkan dan diajar dengan falsafah ini dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.

Dalam konteks kajian ini dapatan menunjukkan kebanyakan guru tidak mengutamakan pendekatan bermain dalam pengajaran kemahiran bahasa walaupun mereka mengetahui faedah pendekatan ini terhadap pembelajaran kanak-kanak. Faktor seperti kurang sumber untuk guru, bahan permainan yang tidak bersesuaian dengan pembelajaran bahasa, perancangan dan kekangan masa menyebabkan mereka jarang menggunakan pendekatan ini. Bagi menyelesaikan permasalahan guru, bahan dalam bentuk modul perlu dibangunkan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam merancang dan melakukan pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa dengan lebih efisien dan berdasarkan keperluan murid. Branch (2009) mengatakan bahan pengajaran yang baik ialah bahan yang dapat mengasah kebolehan seseorang dengan meningkatkan pengetahuan dan kemahirannya. Berdasarkan hasil analisis keperluan, proses pembangunan modul perlu mengambil kira aspek-aspek yang dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru seperti pengetahuan bagaimana hendak memenuhi objektif pembelajaran berdasarkan keperluan murid dan pengetahuan tentang keupayaan bahasa murid. Selain itu, aktiviti pengajaran di dalam modul ini perlu mengambil kira aspek-aspek yang dapat meningkatkan kemahiran guru tentang cara menggunakan sumber bahan bantu mengajar, bagaimana mendapatkan tumpuan murid mengikuti aktiviti pembelajaran dan membimbing murid dalam bentuk kumpulan kecil.

Dapatan juga menunjukkan guru memerlukan sumber dan bahan pengajaran dalam bentuk modul yang memperincikan cara pengajaran dan pembelajaran. Panduan pengajaran ini perlu mengandungi pengajaran dan pembelajaran aktiviti permainan yang menyeronokkan dan mengambil kira keupayaan bahasa murid. Secara ringkasnya modul yang dibangunkan perlu mengambil kira cadangan dan spesifikasi seperti mudah didapati, menerangkan cara menyediakan bahan bantu mengajar dan menerangkan cara permainan dilakukan. Guru juga mencadangkan supaya modul ini mengandungi contoh rancangan pengajaran harian, cadangan aktiviti permainan dan penjelasan tentang jenis-jenis permainan. Manakala setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran dicadangkan supaya dibangunkan dalam bentuk rancangan pengajaran harian yang mengandungi aspek-aspek berikut:

- Menyeronokkan dan memotivasikan murid
- Menyatakan objektif pembelajaran
- Mencadangkan tempoh pelaksanaan yang fleksibel
- Memperincikan langkah-langkah pelaksanaan
- Mencadangkan kaedah dan teknik bersesuaian
- Mencadangkan bahan permainan yang bersesuaian
- Menggabungkan permainan bebas dengan permainan yang dibimbing
- Terdapat lembaran kerja untuk murid
- Menggunakan bahasa yang mudah dan bersesuaian dengan keupayaan murid
- Terdapat kepelbagaian
- Disusun daripada mudah ke susah

Kajian analisis keperluan penting dalam mendapatkan maklumat tentang kandungan dan spesifikasi modul yang akan dibangunkan. Hasil analisis menunjukkan modul pendekatan berasaskan bermain bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa wajar dibangunkan. Pembangunan modul perlu mengambil kira permasalahan guru dan keperluan sedia ada guru supaya modul yang dihasilkan sesuai digunakan guru. Menurut Gagne et al. (2005), dalam fasa analisis beberapa punca permasalahan dan penyelesaian masalah berkaitan dengan masalah pengajaran dikenal pasti. Jadi, sebaik sahaja selesai proses analisis keperluan, pengkaji seharusnya dapat menentukan pengajaran yang dapat menyelesaikan masalah dan mencadangkan strategi berdasarkan data empirikal supaya pengajaran dapat dilakukan dengan baik (Branch, 2009). Dapatan analisis keperluan ini akan digunakan pengkaji sebagai panduan untuk mereka bentuk dan membangunkan modul dalam fasa pembangunan modul yang seterusnya. Dapatan analisis

keperluan menunjukkan modul pendekatan berasaskan bermain bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa berpotensi dibangunkan untuk digunakan guru prasekolah.

## RUJUKAN

- Aliza Ali. (2012). *Pemahaman dan persepsi guru tentang penggunaan kurikulum berasaskan main bagi perkembangan bahasa murid prasekolah*. Tesis sarjana pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aliza Ali, & Zamri Mahmod. (2014). Pembangunan modul pendekatan berasaskan bermain bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa kanak-kanak prasekolah. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Bahasa Melayu Kali Ke-3*, 253-266. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, Fakulti Pendidikan.
- Almon, J., & Miller, E. (2012). The Crisis in Early Education: A Research-based Case for More Play and Less Pressure. Dimuat turun daripada [http://www.habitot.org/museum/pdf/play\\_research/Crisis\\_EarlyEd.pdf](http://www.habitot.org/museum/pdf/play_research/Crisis_EarlyEd.pdf)
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2008). *Kajian pelaksanaan kurikulum prasekolah kebangsaan*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bodrova, E., & Leong, D. J. (2010). Curriculum and Play in Early Child Development. Dimuat turun daripada <http://www.child-encyclopedia.com/documents/Bodrova-LeongANGxp.pdf>
- Branch, R. M. (2009). *Instructional design: The ADDIE approach*. New York, NY: Springer.
- DeWitt, D. (2010). *Development of collaborative mLearning module on nutrition for Form Two students*. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Einarsdottir, J. (2012). Play and literacy: A collaborative action research project in preschool. *Scandinavian Journal of Educational Research*, 58(1), 93–109.
- Fauziah Mohd. Jaafar. (2009). Kepentingan Aktiviti Bermain di dalam Pendidikan Prasekolah. Dimuat turun daripada <http://www.fp.utm.my/medc/journals/vol3/3.%20KEPENTINGAN%20AKTIVITI%20BERMAIN%20DI%20DALAM%20PENDIDIKAN%20P>
- Gagne, M. R., Wager, W. W., Golas, K. C., & Keller, J. M. (2005). *Principles of instructional design* (5th ed.). Belmont, CA: Wadsworth.
- Gunn, B., Vadasy, P., & Smolkowski, K. (2011). Instruction to Help Young Children Develop Language and Literacy Skills: The Roles of Program Design and Instructional Guidance. *NHSA Dialog*, 14(3), 157-173.
- Jamieson, D. G. (2009). Language Development in Young Children. Early childhood learning knowledge centre. Dimuat turun daripada <http://www.ccl-cca.ca/pdfs/ECLKC/bulletin/ECLKCBulletinLanguage.pdf>
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). (2010). *Dokumen standard prasekolah: Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Miller, E., & Almon, J. (2009). Crisis in kindergarten: Summary and recommendations of why children need to play in school. A report from Alliance. Dimuat turun daripada [http://earlychildhoodcolorado.org/inc/uploads/Crisis\\_in\\_Kindergarten.pdf](http://earlychildhoodcolorado.org/inc/uploads/Crisis_in_Kindergarten.pdf)
- Miles, M. B., & Huberman, A. M. (2014). *Qualitative data analysis: An Expanded Sourcebook*, Edisi ke-2. Thousand Oaks, CA: SAGE.
- Morrison, G. S. (2011). *Fundamental of early childhood education*. Englewood Cliffs, NJ: Pearson.
- Moyles, J. (2005). *The excellence of play*. New York, NY: Open University Press.
- Norlidah Alias. (2010). *Pembangunan modul pedagogi berasaskan teknologi dan gaya pembelajaran Felder-*

- Silverman kurikulum fizik sekolah menengah*. Tesis PhD, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Piaget, J. (1951). *Play, dreams and imitation in childhood*. London, UK: Routledge and Kegan Paul.
- Rashidah Rahmat. (2013). *Pembangunan dan penilaian pakej pembelajaran mudah alih Komsas dalam bahasa Inggeris Tingkatan Empat*. Tesis PhD, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Reinbold, S. (2013). Using the ADDIE model in designing library instruction. *Medical Reference Services Quarterly*, 32(3), 244 – 256.
- Richey, R. C., & Klein, J. D. (2007). *Design and developmental research*. New York, NY: Routledge.
- Saayah Abu. (2004). Pelaksanaan aktiviti belajar melalui bermain di tadika-tadika kawasan Melaka Tengah, Melaka. Dimuat turun daripada <http://www.ipislam.edu.my/uploaded/file/saayah.pdf>
- Saedah Siraj, Norlidah Alias, Dorothy DeWitt, & Zaharah Hussin. (2013). *Design and developmental research: Emergent trends in educational research*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia.
- Sharifah Nor Puteh, Manisah, Norshidah, & Aliza Alias. (2009). *Penggunaan dan pengurusan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam kurikulum permainan pendidikan awal kanak-kanak*. Laporan teknikal projek penyelidikan UKM-GG-05-FRGS0003-2007. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wen, X., Elicker, J. G., & Mc Mullen, M. B. (2011). Early childhood teachers' curriculum belief: Are they consistent with observed classroom practices? *Early Education and Development*, 22(6), 945 –969.
- White, R. E. (2012). *The Power of Play: A Research Summary on Play and Learning*. Dimuat turun daripada <http://www.mcm.org/uploads/MCMResearchSummary.pdf>
- Wortham, S. C. (2010). *Early childhood curriculum*. Englewood Cliffs, NJ: Pearson.

## PERBANDINGAN KESAN PEMBELAJARAN BERASASKAN CONTOH-MASALAH DAN PEMBELAJARAN PEMUSATAN-GURU TERHADAP PEMEROLEHAN PENGETAHUAN PELAJAR

Noor Hisham Jalani  
Lai Chee Sern  
*jnhisham@gmail.com*

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**Abstract:** A study was undertaken to compare the effectiveness of Example-Problem-Based Learning (EPBL) and Teacher-Centered Learning (TCL) teaching methods on the students' knowledge acquisition. An experiment with pre-test and post-test design was carried out on 38 vocational students of the Diploma in Mechatronics Technology course, who attended the Circuit Theory modules. The EPBL teaching methods have been implemented on the treatment group for 8 weeks, whereas the existing teaching method (TCL) was maintained for the control group. Both groups then completed the knowledge acquisition test, and then the data were analyzed using ANCOVA. The results show that students' knowledge acquisition in the EPBL group was significantly higher than that of students in the TCL groups. Therefore, it can be concluded that the EPBL teaching method enhances students' knowledge acquisition.

**Keywords:** Example-Problem-Based Learning, Teacher-Centered Learning, knowledge acquisition

### PENDAHULUAN

Pemerolehan pengetahuan dirujuk sebagai pencapaian maklumat melalui pembelajaran (Anderson, 2007). Menurut Wittwer dan Renkl (2010), kebanyakan kajian menggunakan ujian pengetahuan konseptual dalam mengukur keberkesanan pembelajaran. Pengetahuan konseptual memerlukan pelajar untuk memperlihatkan pengetahuan mereka tentang konsep-konsep dan prinsip-prinsip penting yang diperoleh semasa dalam fasa pembelajaran (Wittwer & Renkl, 2010). Pengetahuan konseptual dilihat sebagai pengetahuan mengenai konsep-konsep dan prinsip-prinsip teras dan saling berhubung dalam domain tertentu (Schneider & Stern, 2005). Seterusnya pengetahuan tersebut mampu menerangkan dan memberi makna kepada prosedur yang digunakan.

Sugrue (1995) menjelaskan bahawa pengetahuan konsep adalah pemahaman pengetahuan individu, seperti subjek, peristiwa, orang, simbol atau idea-idea yang berkongsi ciri-ciri biasa dan pengenalan yang serupa. Manakala pengetahuan tentang prinsip pula adalah pemahaman hubungan antara konsep, seperti peraturan, undang-undang, formula, atau kenyataan yang menyifatkan hubungan antara dua konsep. Konsep-konsep dan prinsip-prinsip tersebut dikenali sebagai pengetahuan deklaratif iaitu "tahu-bahawa" (Winterton, Delamare-Le, & Stringfellow, 2005) yang membawa kepada asas pemindahan pengetahuan (Yılmaz & Yalçın, 2012). Justeru pembelajaran pengetahuan konseptual, terutama dalam sains kejuruteraan adalah elemen penting dalam pembangunan kecekapan dan kepakaran dalam bidang kejuruteraan (Streveler et al., 2008).

Salah satu domain utama dalam bidang kejuruteraan ialah Teori Litar. Secara umumnya, domain ini memperkenalkan konsep-konsep asas dan teknik kejuruteraan elektrik kepada pelajar dengan membincangkan pengetahuan berkaitan komponen-komponen elektrik dan teknik analisis litar. Seterusnya, pelajar juga belajar bagaimana menggunakan pengetahuan tersebut dalam litar-litar elektronik. Keperluan kemahiran menganalisis litar elektrik sangat penting terutama bagi komponen arus dan voltan di dalam litar beban; sama ada litar berintangan sesiri, selari, atau litar kompleks iaitu gabungan litar sesiri dan selari. Dalam menganalisis sesuatu litar, pelbagai teorem berkaitan dengan elektrik digunakan, seperti Hukum Ohm dan Hukum Kirchhoff.

Selain teori dan prinsip saintifik, domain Teori Litar adalah berasaskan matematik; yang sering digunakan dalam menganalisis litar elektrik atau menyelesaikan masalah teknikal. Hal ini menjadikan Teori Litar sebagai salah satu domain yang mempunyai kesukaran konseptual yang tinggi (Streveler, Geist, et al., 2006; Streveler, Litzinger, et al., 2008). Streveler, Geist et al. (2006) menjelaskan bahawa terdapat 27 item konsep penting dan sukar bagi pelajar untuk dipelajari di dalam domain tersebut. Sebagai contoh, literatur terhadap litar elektrik menunjukkan bukti bahawa pelajar sering menghadapi kesukaran memahami konsep dengan kuantiti asas, seperti arus dan voltan, dan juga

hubungan antara kuantiti ini yang dinyatakan oleh hukum Ohm (Engelhardt & Beichner, 2004; Streveler, Litzinger, et al., 2008), terutama kepada pelajar aliran vokasional.

Pelajar aliran vokasional biasanya mempunyai pencapaian akademik yang lemah (Agodini, Uhl, & Novak, 2004). Kenyataan ini ada asasnya apabila Zeynivandnezhad, Ismail, dan Yusof (2012) mendapati bahawa pelajar aliran vokasional sering menghadapi masalah besar dalam pembelajaran berasaskan matematik. Stark (2004) dalam kajian terdahulu turut mendapati pelajar aliran vokasional bermasalah mengaplikasikan konsep formal dalam domain yang melibatkan pengiraan. Justeru strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai perlu dibangunkan bagi membantu pelajar aliran vokasional. Strategi ini perlu lebih-lebih lagi dalam mempelajari domain kompleks yang melibatkan pengiraan, seperti Teori Litar. Kaedah pengajaran dan pembelajaran pemusatan-pelajar perlu diberi penekanan (JTM, 2014) sebagai kaedah yang dapat membantu pelajar secara aktif dalam mengatasi kelemahan tersebut (Hussain, Latiff, & Yahaya, 2012). Salah satu kaedah pembelajaran pemusatan-pelajar ialah Pembelajaran Berasaskan Contoh-Masalah (Jalani & Lai, 2014b); iaitu kaedah yang menggabungkan pembelajaran berasaskan contoh dan pembelajaran berasaskan masalah.

### **Pembelajaran Berasaskan Contoh-Masalah (PBCM)**

PBCM bertujuan untuk mengurangkan beban kognitif; di mana pada peringkat awal pemerolehan pengetahuan, pelajar novis mendapat lebih manfaat daripada contoh-kerja. Apabila sampai peringkat pakar, pelajar mungkin tidak lagi mendapat manfaat daripada mengkaji contoh-kerja, sebaliknya mendapat manfaat daripada penyelesaian-masalah (Reisslein, Atkinson, Seeling, & Reisslein, 2006; Wittwer & Renkl, 2010). Kaedah PBCM adalah berdasarkan kepada teori pembelajaran kognitif (Piaget, 1970) dan teori beban kognitif (Sweller, 1988). Menurut teori pembelajaran kognitif, kandungan domain pembelajaran hendaklah disusun mengikut peringkat perkembangan kognitif pelajar, iaitu daripada konkrit kepada abstrak, daripada dekat kepada jauh, daripada pengalaman yang sedia ada kepada pengalaman baru, dan daripada kasar kepada halus (Yahaya, Yahaya, & Zakariya, 2005). Selain itu, perbezaan pengalaman antara seseorang pelajar dengan pelajar yang lain juga perlu diambil kira. Dalam pada itu, untuk keberkesanan pembelajaran, pelajar seharusnya dapat menggabungkan maklumat baru dengan skema maklumat sedia ada dalam minda mereka.

Teori beban kognitif pula mencadangkan pembelajaran dijalankan dalam keadaan setaraf dengan reka bentuk kognitif individu (Sweller, 1988). Teori beban kognitif membezakan beban kognitif mengikut tiga jenis yang berbeza, iaitu *intrinsic*, *extraneous*, dan *germane*. Beban kognitif *intrinsic* adalah beban yang disebabkan oleh kesukaran yang terdapat pada kandungan pembelajaran sesuatu domain. Beban *extraneous* pula merupakan beban yang tidak memberi kesan yang positif terhadap pembelajaran, sebaliknya beban *germane* membantu meningkatkan pembelajaran (Van Gog, Paas, & Van Merriënboer, 2004). Ketiga-tiga beban tersebut mesti dalam had sumber mental iaitu jumlah beban kognitif pada ingatan-kerja. Beban *intrinsic* tidak boleh diubah dengan pendekatan pembelajaran, namun tahap pengetahuan seseorang boleh mempengaruhinya. Dengan lain perkataan, pelajar yang mempunyai pengetahuan dalam domain mengalami beban *intrinsic* yang lebih rendah berbanding pelajar yang tiada pengetahuan dalam domain (De Jong, 2010). Bagaimanapun, beban *germane* dan *extraneous* boleh diubah dan berkadar songsang antara satu sama lain (Van Gog, Paas, & Van Merriënboer, 2006). Justeru, matlamat kepada pembelajaran yang berkesan ialah ia mesti mampu mengurangkan jumlah beban *extraneous* dan memupuk beban *germane*.

Oleh itu, teori beban kognitif menekankan prinsip “pinjam-dan-susun semula”, iaitu meminjam pengetahuan daripada orang lain dan menyusun semula untuk disesuaikan dengan pengetahuan sedia ada dan menggunakannya untuk situasi yang lain (Van Gog & Rummel, 2010). Prinsip “pinjam-dan-susun semula” melalui proses permodelan atau meniru tingkah laku orang lain atau secara demonstrasi banyak digunakan dalam kaedah pembelajaran yang membimbing seperti pembelajaran berasaskan contoh. Kaedah pembelajaran ini mampu mengurangkan beban kognitif yang tidak berkesan terhadap ingatan kerja semasa pembelajaran (Sweller, 1988; Sweller, Van Merriënboer, & Paas, 1998; Van Merriënboer & Sweller, 2005). Menurut Paas dan Van Merriënboer (1994), beban kognitif boleh ditentukan berdasarkan pengetahuan semasa seseorang pelajar tentang ciri-ciri tugas atau masalah yang perlu diselesaikan. Oleh itu, beban kognitif adalah merujuk kepada jumlah kapasiti atau sumber kognitif yang sebenarnya diperuntukkan untuk menampung permintaan yang dikenakan oleh sesuatu tugas atau masalah (Paas et al., 2003; Paas & Van Merriënboer, 1994; Sweller et al., 1998). Beban kognitif yang tinggi dalam pembelajaran memerlukan usaha mental yang tinggi terhadap sistem kognitif (Paas & Van Merriënboer, 1994; Sweller, 1988; Van Gog et al., 2004). Bagaimanapun, Kalyuga, Chandler, Tuovinen, dan Sweller (2001) mendapati pembelajaran berasaskan contoh-kerja mungkin tidak lagi sesuai kerana kesan positif kaedah tersebut akan hilang apabila pelajar telah mencapai tahap pengetahuan dan kemahiran dalam domain yang mencukupi. Sekiranya pelajar terus didedahkan dengan contoh-kerja, terdapat kesan pembalikan yang dikenali sebagai *expertise-reversal effect* (Kalyuga, Ayres, Chandler, & Sweller, 2003). Maklumat dalam contoh-kerja dianggap sebagai *redundant*, dan tidak memberi kesan yang positif dalam pembelajaran, malahan boleh memudaratkan pelajar (Van Gog, Kester, & Paas, 2011).

Bagi mengelakkan proses pembelajaran yang pasif, pelajar yang telah memperoleh pengetahuan dalam domain perlu dirangsang tahap kemahiran penyelesaian-masalah mereka dengan diberi latihan menyelesaikan masalah. Menurut Stark (2004), contoh-kerja perlu disokong dengan latihan yang mendalam dan mencukupi. Perkara ini dipersetujui oleh Wittwer dan Renkl (2010), yang menyatakan bahawa selain mengkaji contoh-kerja pelajar juga dikehendaki untuk menyelesaikan masalah semasa dalam fasa pembelajaran. Penyelesaian-masalah dilakukan dengan memberikan pernyataan masalah dan pelajar perlu melengkapkan langkah-langkah penyelesaian seperti yang dipelajari dalam kajian contoh-kerja sebelum ini. Pembelajaran ini diharap membantu pelajar untuk menguasai skema dan pada masa yang sama mengurangkan beban kognitif, terutamanya beban *extraneous* yang tidak mendatangkan faedah terhadap peningkatan pencapaian pembelajaran pelajar.

Dari perspektif beban kognitif pula, kaedah PBCM tidak perlu memperuntukkan usaha mental yang besar untuk mencari penyelesaian masalah kerana prosedur penyelesaian ditunjukkan dalam contoh-kerja pada peringkat awal pembelajaran (Jalani & Lai, 2014b). Seterusnya, ruang kognitif yang besar yang ditinggalkan setelah kepakaran meningkat akan dimanfaatkan dengan penyelesaian-masalah bagi mengukuhkan lagi pengetahuan pelajar. Dengan itu, prestasi pencapaian ujian yang tinggi dengan mengekalkan usaha mental yang rendah akan meningkatkan kecekapan pembelajaran (Jalani & Lai, 2014a).

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk membandingkan tahap pemerolehan pengetahuan pelajar aliran vokasional yang menggunakan kaedah PBCM dengan kaedah PPG dalam domain Teori Litar.

## PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian yang akan dijawab melalui kajian ini adalah:

Apakah kesan PBCM berbanding PPG terhadap pemerolehan pengetahuan dalam domain Teori Litar dalam kalangan pelajar?

## HIPOTESIS KAJIAN

**Hipotesis Nol,  $H_0$ :** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik di antara pemerolehan pengetahuan pelajar yang belajar menggunakan kaedah PBCM dengan pemerolehan pengetahuan pelajar yang menggunakan kaedah PPG.

**Hipotesis Alternatif,  $H_a$ :** Terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik di antara pemerolehan pengetahuan pelajar yang belajar menggunakan kaedah PBCM dengan pemerolehan pengetahuan pelajar yang menggunakan kaedah PPG.

## KAEDAH KAJIAN

### *Reka Bentuk Kajian*

Kaedah eksperimen tulen dengan reka bentuk kumpulan kawalan ujian-pra ujian-pasca digunakan dalam kajian ini. Reka bentuk kajian ini dengan kumpulan diagihkan secara rawak mampu mengawal banyak ancaman yang boleh menjejaskan kesahan dalaman dan luaran (Mertler & Charles, 2008).

**Jadual 1:** Reka bentuk kumpulan kawalan ujian-pra ujian-pos

	Kumpulan	Ujian-Pra	Rawatan	Ujian-Pasca
R	$E_1$	$Oa_1$	$X_{PBCM}$	$Oa_2$
R	$E_2$	$Oa_1$	$X_{PPG}$	$Oa_2$

Merujuk Jadual 1, peserta kajian (R) diagihkan secara rawak kepada dua kumpulan eksperimen (E). Pada minggu pertama eksperimen, kedua-dua kumpulan eksperimen ( $E_1$ ) dan kawalan ( $E_2$ ) diukur (O) menggunakan ujian-pra terhadap pemerolehan pengetahuan ( $a_1$ ). Seterusnya, fasa rawatan bermula pada minggu kedua hingga minggu kesembilan eksperimen. Kedua-dua kumpulan diberikan rawatan dengan dua kaedah pembelajaran yang berbeza, iaitu

Pembelajaran Berasaskan Contoh-Masalah ( $X_{PBCM}$ ), dan Pembelajaran Pemusatan Guru ( $X_{PPG}$ ). Akhir sekali, ujian-pasca diberikan pada minggu kesepuluh eksperimen yang meliputi ujian pemerolehan pengetahuan ( $a_2$ ).

#### *Peserta Kajian*

Peserta kajian adalah seramai 38 orang yang terdiri daripada pelajar tahap diploma vokasional di dua buah institut latihan kemahiran awam di Malaysia. Taburan jantina agak seimbang antara kumpulan eksperimen dan kawalan di mana kumpulan eksperimen terdiri daripada 19 orang pelajar; 16 orang lelaki dan 3 orang perempuan. Manakala kumpulan kawalan pula terdiri daripada 19 orang pelajar; di mana 17 orang lelaki dan 2 orang perempuan. Purata umur pelajar ialah 20.82 ( $SD = 0.87$ ). Berdasarkan kepada ujian-pra yang dilaksanakan seminggu awal sebelum fasa pembelajaran, pengetahuan awal berkaitan Teori Litar kesemua peserta adalah setara.

#### *Prosedur Pengajaran*

**Kumpulan Eksperimen ( $E_1$ ):** Sepanjang 8 minggu sesi rawatan, modul PBCM yang mengandungi bahan aktiviti pengajaran bercetak berkaitan topik dalam domain Teori Litar diberikan kepada peserta. Penerangan dalam bentuk bahan bercetak bertujuan menggalakkan gangguan kepada tumpuan pelajar sekiranya diberi penerangan secara lisan (Lai, Spöttl, & Straka, 2011). Setiap minggu, pelajar menerima satu contoh-kerja dan satu penyelesaian-masalah. Proses PBCM melibatkan tiga peringkat utama seperti berikut:

**Pertama:** Pelajar menerima penerangan ringkas/kuliah pendek bagi memberikan pengetahuan asas prinsip-prinsip dan konsep-konsep bagi setiap sub-topik dari fasilitator.

**Kedua:** Bagi memahami bagaimana untuk mengaplikasikan prinsip-prinsip dalam domain, setiap pelajar diberi contoh-kerja dalam bentuk bercetak yang lengkap dengan langkah-langkah penyelesaian dan jawapan akhir. Pelajar secara individu dikehendaki mengkaji dan memahami setiap langkah-langkah penyelesaian kepada masalah tersebut secara penjelasan-kendiri. Strategi penjelasan-kendiri melengkap strategi pengkajian contoh-kerja kerana gandingan kedua-dua strategi tersebut berguna untuk meningkatkan kefahaman (Crippen & Earl, 2007).

**Ketiga:** Seterusnya, pelajar diberikan pula dengan latihan penyelesaian-masalah yang hampir sama dengan contoh-kerja bertujuan untuk meningkatkan kepantasan dan ketepatan menyelesaikan masalah. Pelajar dibahagi kepada kumpulan seramai empat atau lima orang ahli. Ketua dilantik untuk setiap kumpulan, supaya boleh mengendalikan sesi perbincangan di dalam bilik kuliah. Pelajar yang belajar secara berkumpulan melalui latihan penyelesaian-masalah lebih berkesan (Kirschner, Paas, Kirschner, & Janssen, 2011) dan lebih cekap terhadap tugas pemindahan (Kirschner, Paas, & Kirschner, 2009) berbanding belajar secara individu.

Akhir sekali, setiap kumpulan membentangkan cadangan penyelesaian mereka. Fasilitator memberikan maklum balas serta-merta kepada setiap kumpulan.

**Kumpulan Kawalan ( $E_2$ ):** Prosedur PPG untuk kumpulan kawalan adalah seperti berikut:

**Pertama:** Pelajar diperkenalkan dengan pengetahuan domain yang terdiri daripada konsep-konsep asas, fakta, terma, simbol dan prosedur berkaitan topik di dalam modul Teori Litar. Oleh kerana topik-topik ini mengandungi sejumlah besar konsep dan prinsip, pendekatan pengajaran secara kuliah sering menjadi kaedah utama pengajaran.

**Kedua:** Seterusnya, pelajar diberikan pula dengan masalah berkaitan topik yang diajar untuk diselesaikan secara individu menggunakan pengetahuan yang diperoleh dari kuliah yang diberi.

Jawapan akhir diberikan sebagai maklum balas kepada pelajar. Pengajaran ini berlangsung selama lapan minggu, selari dengan kumpulan eksperimen.

Perbandingan antara kaedah PBCM (bagi kumpulan eksperimen) dan kaedah PPG (bagi kumpulan kawalan) adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.


**Jadual 2:** Perbandingan antara kaedah PBCM dan PPG

Perkara	PBCM	PPG
Strategi	Penerangan ringkas, pengkajian contoh-kerja dan latihan penyelesaian-masalah.	Kuliah dan latihan penyelesaian-masalah.

Prinsip	(i) Pelajar menerima penerangan ringkas berkaitan konsep dan prinsip asas dari fasilitator (ii) Pelajar secara individu mengkaji dan memahami setiap langkah-langkah penyelesaian masalah dalam contoh-kerja yang diberi dalam bentuk bertulis secara penjelasan-kendiri. (iii) Pelajar secara berkumpulan menyelesaikan masalah yang diberi.	(i) Pelajar menerima penerangan konsep asas, fakta, terma, simbol dan prosedur secara kuliah (ii) Pelajar diberi masalah untuk diselesaikan secara individu menggunakan pengetahuan yang diperoleh dari kuliah.
Contoh	(i) Lapan contoh-kerja disediakan kepada pelajar merangkumi topik dalam Teori Litar. (ii) Pengkajian secara individu.	Tiada contoh-kerja disediakan semasa aktiviti rawatan.
Latihan	(i) Lapan latihan penyelesaian-masalah disediakan kepada pelajar merangkumi topik dalam Teori Litar. (ii) Penyelesaian secara berkumpulan.	(i) Lapan latihan penyelesaian-masalah disediakan kepada pelajar merangkumi topik dalam Teori Litar. (ii) Penyelesaian secara individu.
Maklum Balas	Pensyarah membincangkan penyelesaian masalah dengan pelajar.	Jawapan akhir diberikan kepada pelajar.

#### Ujian Pemerolehan Pengetahuan

Ujian Pemerolehan Pengetahuan berbentuk ujian soalan aneka pilihan kertas-dan-pensel dibangunkan berdasarkan kepada pengetahuan konseptual. Ujian ini merangkumi 20 item untuk dijawab dalam tempoh masa 30 minit. Dalam usaha untuk membina satu instrumen pengukuran yang sah, pemilihan item adalah berdasarkan kepada hasil pembelajaran modul Teori Litar dan konsisten dengan kandungan sukatan kursus. Empat orang pakar bidang dilantik untuk menentukan kesahan terhadap kandungan item ujian ini. Nilai kebolehpercayaan ujian Pemerolehan Pengetahuan telah diukur dengan menggunakan Kuder Richardson 20 (KR-20) iaitu .54. Menurut Ary, Jacobs, dan Sorensen (2010), pekali ujian dalam julat .5 hingga .6 dianggap mempunyai kebolehpercayaan sederhana dan boleh diterima untuk tujuan penyelidikan. Contoh item ujian Pemerolehan Pengetahuan ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1. Item ujian Pemerolehan Pengetahuan

**KEPUTUSAN**

Sebelum menganalisis data ujian parametrik menggunakan ANCOVA, beberapa andaian yang menjadi syarat untuk menganalisis data secara multivariat termasuk: (i) andaian taburan normal, (ii) andaian kebebasan skor, dan (iii) andaian kehomogenan varian (Field, 2009), untuk kedua-dua kumpulan telah terlebih dahulu diuji dan dipenuhi. Seterusnya, analisis min dan sisihan piawai telah digunakan untuk menentukan tahap pemerolehan pengetahuan di kalangan pelajar di kedua-dua kumpulan.

**Jadual 3:** Item ujian Pemerolehan Pengetahuan

Kumpulan	Skor	Min	Sisihan Piawai ( <i>SD</i> )
Eksperimen (PBCM)	Skor ujian-pra	8.32	1.45
	Skor ujian-pasca	10.84	2.83
	Peningkatan skor	+2.53	
Kawalan (PPG)	Skor ujian-pra	8.53	1.78
	Skor ujian-pasca	9.00	2.71
	Peningkatan skor	+0.93	

Jadual 3 menunjukkan perbandingan skor min dan sisihan piawai bagi ujian-pra dan ujian-pasca antara kumpulan eksperimen (PBCM) dan kumpulan kawalan (PPG). Ujian-pasca ke atas pemerolehan pengetahuan menunjukkan skor min kumpulan eksperimen (PBCM) mengatasi skor min kumpulan kawalan (PPG) dengan masing-masing 10.84 (*SD* = 2.84) dan 9.00 (*SD* = 2.71). Skor min pemerolehan pengetahuan dari ujian-pra ke ujian-pos meningkat sebanyak 2.53 bagi kumpulan eksperimen (PBCM) dan 0.93 bagi kumpulan kawalan (PPG).

**Jadual 4:** Keputusan ujian ANCOVA

Sumber	Jumlah Kuasadua Jenis III	dk	Kuasadua Min	<i>F</i>	Tahap Signifikan
Model Diperbetul	41.072 <sup>a</sup>	2	20.536	2.685	.082
Intercept	69.810	1	69.810	9.127	.005
Pengetahuan Ujian-Pra	8.835	1	8.835	1.155	.290
<b>Kumpulan</b>	<b>34.372</b>	<b>1</b>	<b>34.372</b>	<b>4.494</b>	<b>.041</b>
Ralat	267.691	35	7.648		
Jumlah	4049.000	38			
Jumlah Diperbetul	308.763	37			

*a. R Squared* = .133 (*Adjusted R Squared* = .083)

Jadual 4 pula menunjukkan keputusan ANCOVA di mana nilai *F* dan nilai *p* ditunjukkan pada pemboleh ubah. Ujian pemerolehan pengetahuan adalah signifikan secara statistik, [ $F(1, 38) = 4.494, p < .05$ ]. Hipotesis nol ditolak; terdapat perbezaan signifikan secara statistik dalam min skor ujian pemerolehan pengetahuan antara kumpulan eksperimen (PBCM) dan kumpulan kawalan (PPG). Nilai *R Squared* menunjukkan pemboleh ubah tidak bersandar kajian ini menyumbang sebanyak 0.133 atau 13.3% perubahan dalam pemboleh ubah bersandar pemerolehan pengetahuan. Didapati juga bahawa 79% daripada pelajar dalam kumpulan kawalan (PPG) memperoleh skor pemerolehan pengetahuan di bawah skor min kumpulan eksperimen (PBCM).

**Jadual 5:** Penguasaan pelajar terhadap domain Teori Litar mengikut topik

Topik	Peratusan (%)	
	Eksperimen (PBCM)	Kawalan (PPG)
1. Litar sesiri dan selari	66	58
2. Hukum-hukum asas	56	44
3. Litar kompleks	38	34

Jadual 5 menunjukkan penguasaan pelajar terhadap domain Teori Litar mengikut topik, iaitu (i) litar sesiri dan selari; (ii) hukum-hukum asas; dan (iii) litar kompleks. Keputusan ujian-pasca menunjukkan bahawa penguasaan pelajar kumpulan eksperimen (PBCM) adalah lebih tinggi berbanding penguasaan pelajar kumpulan kawalan (PPG). Secara terperinci, lebih separuh pelajar di dalam kumpulan eksperimen (PBCM) menguasai topik pertama dan kedua,

berbanding hanya topik pertama sahaja yang dikuasai oleh pelajar kumpulan kawalan (PPG) masing-masing dengan 66% dan 58% dalam topik pertama; dan, 56% dan 44% dalam topik kedua. Bagi topik ketiga pula, kedua-dua kumpulan eksperimen (PBCM) dan kumpulan kawalan (PPG) menunjukkan penguasaan yang kurang, masing-masing dengan 38% dan 34%.

## PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Pemerolehan pengetahuan dirujuk sebagai pencapaian maklumat yang disebabkan oleh pembelajaran dan sering kali digunakan untuk mengukur keberkesanan pembelajaran. Dalam kajian ini, pengetahuan deklaratif diukur untuk memperlihatkan pengetahuan pelajar tentang konsep-konsep dan prinsip-prinsip penting yang diperoleh semasa proses pembelajaran dan seterusnya membawa kepada asas pemindahan pengetahuan. Justeru, penguasaan dalam pengetahuan deklaratif adalah sangat penting kerana ia akan meningkatkan pengetahuan prosedural dan prestasi.

Oleh itu, dalam kajian ini penyelidik meramalkan bahawa pelajar dalam kumpulan PBCM akan mengatasi pelajar dalam kumpulan kawalan terhadap ujian pemerolehan pengetahuan. Ramalan ini telah dibuktikan dan dapatan kajian ini menunjukkan pelajar dalam kumpulan PBCM memperoleh skor min pemerolehan pengetahuan yang lebih tinggi  $M = 10.84$  ( $SD = 2.83$ ) berbanding skor min pemerolehan pengetahuan pelajar dalam kumpulan kawalan  $M = 9.00$  ( $SD = 2.71$ ). Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan signifikan dalam skor min ujian pemerolehan pengetahuan antara kumpulan PBCM dan kumpulan kawalan, [ $F(1, 38) = 5.96, p < .05$ ]. Penguasaan terhadap domain Teori Litar mengikut topik turut menunjukkan pelajar di dalam kumpulan PBCM

Dapatan kajian ini mengesahkan kajian sebelum ini (Lewis, 2008; Rourke & Sweller, 2009), di mana contoh-kerja yang diberi di fasa awal pembelajaran untuk dikaji dan difahami membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan dan menyusun maklumat dengan cara meningkatkan pembangunan skema. Selari dengan Teori Beban Kognitif (Sweller, 1988), peningkatan pembangunan skema dapat dicapai kerana contoh-kerja tidak memerlukan ingatan-kerja berlebihan dalam aktiviti pembelajaran tetapi masih mampu menghasilkan keputusan yang berkesan. Ini bermakna contoh-kerja yang mengoptimalkan peruntukan sumber kognitif dengan mengurangkan beban *extraneous* dan memupuk beban *germane* atau pembentukan skema berupaya untuk mencapai pembelajaran yang berkesan. Hasilnya, skema diperoleh dan disimpan dalam ingatan jangka-panjang. Selain itu, strategi penjelasan-kendiri secara individu pula melengkapi strategi pengkajian contoh-kerja kerana gandingan kedua-dua strategi tersebut berguna untuk meningkatkan konsentrasi dan kefahaman yang diperlukan dalam pengekal maklumat berbanding secara berkumpulan. Konsentrasi penjelasan-kendiri turut diperoleh dengan memberikan contoh-kerja dalam bentuk bahan bercetak. Ini bertujuan untuk mengelakkan gangguan terhadap tumpuan pelajar sekiranya diberi penerangan secara lisan (Lai et al., 2011).

Penyelesaian-masalah yang dijalankan secara berkumpulan turut menjadi salah satu sebab pelajar kumpulan PBCM lebih mampu mengingati konsep atau fakta berbanding pelajar kumpulan PPG. Proses pembelajaran secara sumbang saran atau perbincangan menjadikan konsep atau fakta tertentu difahami dengan teliti. Bagi kaedah PPG pula, strategi *means-ends-analysis* yang sering digunakan melibatkan interaksi maklumat yang banyak dan dari pelbagai sumber. Kaedah eksplorasi ini mengakibatkan terlalu banyak elemen yang perlu diproses sehingga menyebabkan permintaan yang tinggi terhadap sistem kognitif. Permintaan yang tinggi terhadap kapasiti ingatan-kerja yang terhad biasanya tidak membawa kepada pembinaan skema dalam domain. Tambahan pula, pelajar dalam kumpulan PPG menjalani proses pembelajaran melalui kuliah (pendengaran) yang mungkin menggalakkan pembelajaran hafalan. Hasilnya, pelajar tidak mencapai pengetahuan dan pemahaman yang mendalam tentang prinsip dan konsep berkaitan dengan domain.

Dari segi penguasaan terhadap topik-topik dalam Teori Litar, majoriti pelajar dalam kumpulan PBCM menguasai topik pertama dan kedua. Manakala majoriti pelajar dalam kumpulan PPG hanya menguasai topik pertama sahaja. Dapatan ini menunjukkan bahawa kaedah PBCM memudahkan pelajar untuk memahami dan mengingati konsep-konsep elektrik dengan kuantiti asas, seperti arus dan voltan, dan juga hubungan antara kuantiti ini. Bagaimanapun, bagi topik ketiga majoriti pelajar dalam kedua-dua kumpulan masih belum menguasainya lagi. Satu penjelasan mengapa perkara ini berlaku mungkin boleh dikaitkan dengan kesan lantai (*floor effect*). Kebanyakan pelajar, jika tidak semua, mungkin menghadapi kesukaran dalam menyelesaikan tugas yang terdapat pada topik ketiga. Topik ketiga yang terdiri dari gabungan litar sesiri dan litar selari dengan penggunaan hukum-hukum asas seperti hukum Ohm dan hukum Kirchhoff menyebabkan tahap kandungan maklumat yang perlu dipelajari lebih mencabar sehingga mendorong kepada peningkatan beban kognitif *intrinsic* (Van Gog et al., 2006).

Kesimpulannya, penggunaan kaedah PBCM dalam domain Teori Litar dapat memberi kesan positif terhadap pemerolehan pengetahuan. Terdapat peningkatan pemerolehan pengetahuan yang signifikan selepas pelajar

menggunakan kaedah PBCM dalam sesi pembelajaran. Justeru, dapat disimpulkan bahawa kaedah PBCM ini berkesan berbanding kaedah PPG untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran domain Teori Litar.

#### *Cadangan Untuk Kajian Seterusnya*

Kajian ini adalah terhad kepada satu faktor sahaja yang mempengaruhi pemerolehan pengetahuan iaitu kaedah pengajaran. Kajian akan datang dicadangkan untuk melihat pengaruh pengetahuan awal dan peranan motivasi dalam menyokong pembelajaran. Perbezaan pengetahuan awal dan motivasi dalam setiap pelajar mungkin memainkan peranan yang penting dalam membuat kesimpulan sejauh mana mereka mendapat manfaat daripada aktiviti pembelajaran PBCM. Untuk cadangan ini, reka bentuk faktorial sesuai digunakan.

#### **RUJUKAN**

- Agodini, R., Uhl, S., & Novak, T. (2004). Factors that influence participation in secondary vocational education. *Mathematica Policy Research Inc.*, 0039(0001).
- Anderson, J. C. (2007). Effect of problem-based learning on knowledge acquisition, knowledge retention, and critical thinking ability of agriculture students in urban schools. *PhD Thesis, University of Missouri-Columbia*.
- Ary, D., Jacobs, L. C., & Sorensen, C. (2010). Introduction to research in education. *8th Edition. Wadsworth, USA: Cengage Learning. Pp. 249*.
- Crippen, K. J., & Earl, B. L. (2007). The impact of web-based worked examples and self-explanation on performance, problem solving, and self-efficacy. *Computers & Education*, 49(3), 809–821. doi:10.1016/j.compedu.2005.11.018
- De Jong, T. (2010). Cognitive load theory, educational research, and instructional design: Some food for thought. *Instructional Science*, 38(2), 105–134.
- Engelhardt, P. V., & Beichner, R. J. (2004). Students' understanding of direct current resistive electrical circuits. *American Journal of Physics*, 72(1), 98. doi:10.1119/1.1614813
- Field, A. P. (2009). *Discovering statistics using SPSS: and sex and drugs and rock "n" roll* (3rd ed.). London: Sage Publication Ltd.
- Hussain, N. H., Latiff, L. A., & Yahaya, N. (2012). Alternative conception about open and short circuit concepts. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 56, 466–473. doi:10.1016/j.sbspro.2012.09.678
- Jalani, N. H., & Lai, C. S. (2014a). Efficiency comparison of example-problem-based learning and teacher-centered learning in the teaching of Circuit Theory. *The 4th World Congress on TVET 2014 (WoCTVET 2014), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*.
- Jalani, N. H., & Lai, C. S. (2014b). Kesan pembelajaran berasaskan contoh-masalah dan pembelajaran pemusatan guru terhadap usaha mental pelajar dalam domain Teori Litar. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(4), 10–19.
- JTM. (2014). Pelan strategik Jabatan Tenaga Manusia 2016-2020. *Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia*.
- Kalyuga, S., Ayres, P., Chandler, P., & Sweller, J. (2003). The expertise reversal effect. *Educational Psychologist*, 38(1), 23–31.
- Kalyuga, S., Chandler, P., Tuovinen, J. E., & Sweller, J. (2001). When problem solving is superior to studying worked examples. *Journal of Educational Psychology*, 93(3), 579–588.

- Kirschner, F., Paas, F., & Kirschner, P. (2009). Individual and group-based learning from complex cognitive tasks: Effects on retention and transfer efficiency. *Computers in Human Behavior*, 25(2), 306–314.
- Kirschner, F., Paas, F., Kirschner, P., & Janssen, J. (2011). Differential effects of problem-solving demands on individual and collaborative learning outcomes. *Learning and Instruction*, 21(4), 587–599.
- Lai, C. S., Spöttl, G., & Straka, G. A. (2011). Learning with worked-out problems in manufacturing technology: The effects of instructional explanations and self-explanation prompts on acquired knowledge. *Universitat Bremen*.
- Lewis, D. (2008). The acquisition of procedural skills: An analysis of the worked-example effect using animated demonstrations. *PhD Thesis, University of South Florida*.
- Mertler, C. A., & Charles, C. M. (2008). Introduction to educational research. *6th Edition, Pearson Education, Inc.*
- Paas, F., Tuovinen, J. E., Tabbers, H., & Van Gerven, P. W. M. (2003). Cognitive load measurement as a means to advance cognitive load theory. *Educational Psychologist*, 38(1), 63–71.
- Paas, F., & Van Merriënboer, J. J. . (1994). Variability of worked examples and transfer of geometrical problem-solving skills: A cognitive-load approach. *Educational Psychology*, 86(1), 122–133.
- Piaget, J. (1970). The science of education and the psychology of the child. In *Grossman, New York*.
- Reisslein, J., Atkinson, R. K., Seeling, P., & Reisslein, M. (2006). Encountering the expertise reversal effect with a computer-based environment on electrical circuit analysis. *Learning and Instruction*, 16(2), 92–103.
- Rourke, A., & Sweller, J. (2009). The worked-example effect using ill-defined problems: Learning to recognise designers' styles. *Learning and Instruction*, 19(2), 185–199. doi:10.1016/j.learninstruc.2008.03.006
- Schneider, M., & Stern, E. (2005). Conceptual and procedural knowledge of a mathematics problem: Their measurement and their causal interrelations. *Proceedings of the 27th Annual Conference of the Cognitive Science Society*.
- Stark, R. (2004). Implementing example-based learning and teaching in the context of vocational school education in business administration. *Learning Environments Research*, 7(December 2003), 143–163.
- Streveler, R. A., Litzinger, T. A., Miller, R. L., & Steif, P. S. (2008). Learning conceptual knowledge in the engineering sciences: Overview and future research directions. *Journal of Engineering Education*, (July), 279–294.
- Streveler, R., Geist, M., Ammerman, R., Sulzbach, C., Miller, R., Olds, B., & Nelson, M. (2006). Identifying and investigating difficult concepts in engineering mechanics and electric circuits. *American Society for Engineering Education*.
- Sugrue, B. (1995). A theory-based framework for assessing domain-specific problem-solving ability. *Educational Measurement: Issues and Practice*, 29–36.
- Sweller, J. (1988). Cognitive load during problem solving: Effects on learning. *Cognitive Science*, 12(2), 257–285.
- Sweller, J., Van Merriënboer, J. J. G., & Paas, F. G. W. C. (1998). Cognitive architecture and instructional design. *Educational Psychology Review*, 10(3), 251–296.
- Van Gog, T., Kester, L., & Paas, F. (2011). Effects of worked examples, example-problem, and problem-example pairs on novices' learning. *Contemporary Educational Psychology*, 36(3), 212–218.
- Van Gog, T., Paas, F., & Van Merriënboer, J. J. G. (2004). Process-oriented worked examples: Improving transfer performance through enhanced understanding. *Instructional Science*, (32), 83–98.

- Van Gog, T., Paas, F., & Van Merriënboer, J. J. G. (2006). Effects of process-oriented worked examples on troubleshooting transfer performance. *Learning and Instruction, 16*, 154–164.
- Van Gog, T., & Rummel, N. (2010). Example-based learning: Integrating cognitive and social-cognitive research perspectives. *Educational Psychology Review, 22*(2), 155–174.
- Van Merriënboer, J. J. G., & Sweller, J. (2005). Cognitive load theory and complex learning: Recent developments and future directions. *Educational Psychology Review, 17*(2), 147–177.
- Winterton, J., Delamare-Le, D. F., & Stringfellow, E. (2005). Typology of knowledge, skills and competences: Clarification of the concept and prototype. *Centre for European Research on Employment and Human Resources Groupe ESC Toulouse*. Retrieved January 22, 2013, from [http://www.uk.ecorys.com/europeaninventory/publications/method/CEDEFOP\\_typology.pdf](http://www.uk.ecorys.com/europeaninventory/publications/method/CEDEFOP_typology.pdf)
- Wittwer, J., & Renkl, A. (2010). How effective are instructional explanations in example-based learning? A meta-analytic review. *Educational Psychology Review, 22*(4), 393–409.
- Yahaya, A., Yahaya, N., & Zakariya, Z. (2005). Psikologi kognitif. In *Penerbit Universiti Teknologi Malaysia*.
- Yılmaz, İ., & Yalçın, N. (2012). The relationship of procedural and declarative knowledge of science teacher candidates in Newton's laws of motion to understanding. *American International Journal of Contemporary Research, 2*(3), 50–56.
- Zeynivandnezhad, F., Ismail, Z., & Yusof, Y. M. (2012). Mathematics requirements for vocational and technical education in Iran. *Procedia - Social and Behavioral Sciences, 56*, 410–415. doi:10.1016/j.sbspro.2012.09.670

## KEPERLUAN MODEL KURIKULUM BERASASKAN INTELEKTUALISME PERUBATAN HERBA MASA DEPAN

Aniza Mohd Said  
Norlidah Alias  
Saedah Siraj

*neez68@siswa.um.edu.my, drnorlidah@um.edu.my & saedah@um.edu.my*

Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya

**Abstract:** Various initiatives can be implemented by the government in developing education for Orang Asli children to attract them to the school. In an effort to assist Orang Asli students in improving their knowledge and intellectualism in herbal medicine, the medical curriculum should be built for the future. This curriculum can be part of the curriculum taught in Orang Asli primary schools for the future because Orang Asli life cannot be separated from nature. They are very respectful of the environment and the close relationship that exists enables Orang Asli to survive in harmony. Mainstream curriculum as it stands today is said to lead to the rejection of the school system by Orang Asli students. This article will discuss the need to develop a model curriculum based on Orang Asli intellectualism in herbal medicine for the future Orang Asli primary school through a survey. The purpose of this study is to analyze the need for developing a model curriculum based on Orang Asli intellectualism in herbal medicine for future Orang Asli primary schools. Data collection was conducted through surveys of 100 teachers from the district of Petaling Perdana which have existing Orang Asli students. The findings indicate there is a needs-based curriculum model development based on Orang Asli intellectualism in herbal medicine for future Orang Asli primary school. This is because herbal medicine teaching and learning can meet the needs of student knowledge to prevent Orang Asli indigenous traditions, beliefs and culture from being eroded by the mainstream education system.

**Keywords:** Herbal Medicine, Education of Orang Asli Student, Needs Analysis

### PENGENALAN

Tradisi pembelajaran yang dipraktikkan oleh masyarakat Orang asli untuk mewarisi intelektualisme perubatan herba ini sangat unik. Dalam masyarakat Orang Asli, proses pembelajaran berlaku secara trans-generasi iaitu pengalamian, penyerapan dan perkongsian dari satu generasi ke satu generasi (Battiste, Bell, & Findlay, 2002). Kajian-kajian yang dijalankan terhadap pendidikan kanak-kanak Orang Asli banyak menyarankan *place-based indigeneous pedagogy* (Battise et al., 2002; Shajahan, 2005). Maka, dengan mengambil kira elemen ini, wujud satu keperluan untuk membangunkan kurikulum berasaskan intelektualisme perubatan herba Orang Asli dalam mengekal dan melestarikan intelektualisme perubatan herba serta tradisi budaya masyarakat Orang Asli daripada lenyap ditelan arus pemodenan. Pembangunan pembelajaran ini membuka dimensi baru dalam proses penyampaian pendidikan kepada murid-murid Orang Asli. Proses pembelajaran tidak hanya terhad kepada pencapaian akademik sebaliknya merentasi intelektualisme masyarakat Orang Asli. Pembangunan model kurikulum berasaskan intelektualisme perubatan herba bagi kanak-kanak Orang Asli ini yang cuba diketengahkan melalui artikel ini diharap dapat membantu anak-anak Orang Asli untuk terus meminati alam persekolahan dan mengekang mereka dari ketinggalan dalam bidang pendidikan.

Sebagai satu usaha untuk membantu pelajar Orang Asli meningkatkan pengetahuan dan intelektualisme mereka dalam perubatan herba, maka kurikulum perubatan perlu dibina untuk masa depan. Kurikulum ini boleh menjadi sebahagian daripada kurikulum yang diajar di sekolah rendah Orang Asli pada masa depan kerana kehidupan Orang Asli tidak dapat dipisahkan daripada alam semula jadi (Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah, 2007). Mereka amat menghormati alam sekitar dan hubungan erat yang terjalin ini membolehkan Orang Asli terus hidup dalam keadaan harmoni. Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia secara khususnya mendiami kawasan-kawasan pedalaman, pinggir-pinggir hutan dan sebahagiannya di pinggir perkampungan Melayu (Jabatan Muzium Malaysia, 2010). Oleh itu, keadaan alam persekitaran yang dikelilingi tumbuhan tropika membolehkan mereka menggunakan tumbuhan semula jadi untuk dijadikan keperluan kehidupan seharian mereka sebagai makanan dan ubatan. Herba ini bukan sahaja mendedahkan pengetahuan tentang tradisi kesihatan tetapi turut menjelaskan pemahaman saintifik dan kaitannya dengan latar belakang budaya dan sejarah masyarakat Orang Asli sendiri. Masyarakat Orang Asli merupakan antara kaum yang telah beratus tahun menggunakan sumber tumbuh-tumbuhan di

hutan sebagai ubat-ubatan untuk mengubati penyakit (Jabatan Muzium Malaysia, 2010; Shamsul Khamis, 2014; Zainon Abu Saman, 2002). Masyarakat ini mempunyai hubungan yang begitu akrab dengan hutan sekeliling mereka (Hanina H.Hamsan & Asnarulkhadi Abu Samah, 2008; Itam Wali Nawan, 1993; Zainon Abu Saman, 1997). Pengamalan yang diwarisi sejak generasi ke generasi membolehkan mereka mengetahui dan memahami rahsia tumbuh-tumbuhan yang boleh dijadikan herba untuk mengubati penyakit sehinggakan setiap spesies telah dikenal pasti bagi kegunaan yang tersendiri.

Artikel ini menganalisis keperluan pembangunan model kurikulum berasaskan intelektualisme perubatan herba Orang Asli berdasarkan isu semasa pendidikan murid-murid Orang Asli dalam persekolahan arus perdana. Kesesuaian kurikulum ini kepada murid-murid Orang Asli dalam menangani isu pendidikan kanak-kanak Orang Asli (Hasmah Abdul Manaf, 2011; Ramlah Abdul Rahman, 2009; Johari Talib, 2007; Juli Edo, 1984) dan permasalahan pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak Orang Asli (Azlin Hilma Hillaluddin, 2008; Vanitha, 2011; Saedah Siraj & Vanitha, 2010) telah memungkinkan kurikulum perubatan herba ini diaplikasikan kepada sekolah rendah Orang Asli untuk murid Orang Asli. Oleh itu, kajian analisis keperluan ini dijalankan bagi mengenal pasti kesesuaian serta keperluan model kurikulum berasaskan intelektualisme perubatan herba Orang Asli ini dalam konteks pendidikan murid Orang Asli pada masa depan.

## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis keperluan pembangunan model kurikulum berasaskan intelektualisme perubatan herba untuk sekolah rendah Orang Asli masa depan. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti pandangan guru terhadap keperluan pembangunan model kurikulum perubatan herba untuk sekolah rendah Orang Asli pada masa depan. Bagi memenuhi objektif yang digariskan ini, kajian tinjauan ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan kajian berikut:

### Apakah keperluan model kurikulum berasaskan intelektualisme perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah Orang Asli masa depan?

- Apakah pandangan guru terhadap keperluan kurikulum berasaskan intelektualisme perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah Orang Asli masa depan?

## METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian reka bentuk dan pembangunan (Richey & Klein, 2014). Matlamatnya adalah bagi membangunkan model kurikulum berasaskan ilmu perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah masa depan.

### *Skop dan Batasan*

Fokus kajian ini adalah pendidikan murid Orang Asli secara umum kepada kaum Temuan dalam daerah Petaling Perdana, Selangor. Sampel kajian seramai 100 orang responden telah dipilih yang terdiri daripada guru-guru sekolah yang ada murid Orang Asli di daerah Petaling Perdana, Selangor.

### *Instrumen Kajian*

Instrumen bagi kajian ini telah dibangunkan oleh penyelidik berdasarkan temu bual ke atas 7 orang pakar. Soal selidik ini telah melalui kajian rintis menggunakan sampel kajian seramai 30 orang guru.

### *Dapatan Kajian*

Bahagian pertama dalam borang soal selidik kajian ini adalah berkaitan dengan responden yang terlibat dalam kajian ini. Demografi responden melibatkan guru sekolah yang mengajar mengajar murid Orang Asli.

**Jadual 1:** Responden Mengikut Ras

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Melayu	95	95
Cina	2	2
India	3	3

<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>
---------------	------------	------------

Taburan responden mengikut ras boleh dilihat dalam Jadual 1. Analisis deskriptif menunjukkan majoriti responden dalam kajian ini terdiri daripada guru-guru Melayu sebanyak 95%. Ini diikuti kaum India sebanyak 3% dan Cina 2%.

**Jadual 2:** Pengalaman Mengajar

<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Kurang 2 tahun	1	1
2 - 5 tahun	16	16
6 - 10 tahun	22	22
10 tahun ke atas	61	61
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Jadual 2 menunjukkan taburan responden mengikut pengalaman mengajar. Majoriti guru-guru yang terlibat sebagai responden soal selidik ini mempunyai 10 tahun ke atas pengalaman mengajar iaitu sebanyak 61%. Hanya 1% sahaja yang pengalaman mengajarnya kurang daripada 2 tahun.

**Jadual:** Pengalaman Terlibat Dengan Masyarakat Orang Asli

<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Kurang 2 tahun	65	65
2 - 5 tahun	15	15
6 - 10 tahun	14	14
10 tahun ke atas	6	6
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Taburan kekerapan dan peratus responden mengikut pengalaman terlibat dengan masyarakat Orang Asli ditunjukkan dalam Jadual 3. Dapatan data kajian menunjukkan bahawa majoriti guru kurang 2 tahun pengalaman terlibat dengan masyarakat Orang Asli iaitu sebanyak 65%. Hanya 6% sahaja yang mempunyai 10 tahun pengalaman dengan masyarakat Orang Asli.

Perbincangan dapatan kajian berdasarkan soalan kajian adalah seperti berikut:

- 1) Pandangan guru tentang keperluan model kurikulum berasaskan intelektualisme perubatan herba Orang Asli dari aspek:
  - a) objektif yang seharusnya dicapai
  - b) standard yang boleh dicapai
  - c) kepentingan model kurikulum perubatan herba
  - d) keperluan membangunkan model

### **Analisis Data Pandangan Guru Keperluan Model Kurikulum Berasaskan Intelektualisme Perubatan Herba Orang Asli Untuk Sekolah Rendah Orang Asli Masa Depan**

Kajian tinjauan ini akan memberi fokus kepada persepsi guru terhadap jangkaan keperluan pembangunan model kurikulum berasaskan intelektualisme perubatan herba Orang Asli pada masa depan. Dalam konteks kajian ini, empat aspek pandangan guru dianalisis iaitu objektif yang seharusnya dicapai melalui kurikulum perubatan herba, standard yang boleh dicapai, kepentingan kurikulum perubatan herba dan keperluan membangunkan model kurikulum perubatan herba.

#### *Pandangan guru tentang objektif model kurikulum perubatan herba Orang Asli Untuk Sekolah Rendah Orang Asli Masa Depan*

Pandangan responden tentang objektif model kurikulum berasaskan intelektualisme perubatan herba Orang Asli pada masa depan dikaji dan dianalisis.

**Jadual 4:** Pandangan guru tentang objektif model kurikulum perubatan herba

Item	Kekerapan / Peratus				
	1 (Sangat Tidak Ber- setuju)	2 (Tidak Setuju)	3 (Seder- hana Setuju)	4 (Setuju)	5 (Sangat Setuju)
Memahami konsep asas dan menggunakan herba dalam kehidupan dengan betul	0 (0%)	2 (2%)	17 (17%)	80 (80%)	1 (1%)
Memberi kemahiran kepada murid Orang Asli tentang herba	0 (0%)	1 (1%)	18 (18%)	79 (79%)	2 (2%)
Memberi kecekapan kepada murid Orang Asli mengenal pasti herba	0 (0%)	1 (21)	18 (18%)	79 (79%)	3 (3%)

Merujuk Jadual 4 pula, pandangan guru tentang objektif model kurikulum berasaskan intelektualisme perubatan herba Orang Asli menunjukkan 80% bersetuju model ini perlu dibangunkan dengan objektif murid Orang Asli memahami konsep asas dan menggunakan herba dalam kehidupan dengan betul. Manakala kurikulum perubatan herba ini juga boleh mencapai objektif memberi kemahiran kepada murid Orang Asli tentang herba, memberi kecekapan kepada murid Orang Asli mengenal pasti herba yang masing-masing mencatatkan peratus tertinggi iaitu 79%.

Rumusannya, responden dalam konteks kajian ini secara keseluruhannya ‘sangat bersetuju’ dengan jangkaan objektif dalam model kurikulum berasaskan intelektualisme perubatan herba pada masa depan sesuai dengan pengetahuan yang ada dalam kalangan murid Orang Asli itu sendiri.

*Pandangan guru tentang standard model kurikulum perubatan herba Orang Asli Untuk Sekolah Rendah Orang Asli Masa Depan*

Pandangan responden tentang standard model kurikulum berasaskan intelektualisme perubatan herba Orang Asli pada masa depan dikaji dan dianalisis.

**Jadual 5:** Pandangan Guru Tentang Standard Model Kurikulum Perubatan Herba

Item	Kekerapan / Peratus				
	1 (Sangat Tidak Ber- setuju)	2 (Tidak Setuju)	3 (Seder- hana Setuju)	4 (Setuju)	5 (Sangat Setuju)
Kebolehan memahami dan mengingat terma-terma	0 (0%)	3 (3%)	14 (14%)	81 (81%)	2 (2%)
Memahami asas mata pelajaran perubatan herba	0 (0%)	5 (5%)	19 (19%)	74 (74%)	2 (2%)
Mengandungi nilai yang baik	0 (0%)	4 (4%)	15 (15%)	76 (76%)	5 (5%)
Mengandungi matlamat dipelajari	0 (0%)	3 (3%)	15 (15%)	79 (79%)	3 (3%)
Membangunkan kemahiran yang berguna untuk menyelesaikan masalah	0 (0%)	3 (3%)	16 (16%)	78 (78%)	3 (3%)

Berdasarkan Jadual 5, pandangan guru tentang standard model kurikulum perubatan herba menunjukkan kebolehan memahami dan mengingat terma-terma mencapai peratusan setuju yang tertinggi iaitu 81% dan hanya 3% sahaja responden yang tidak bersetuju. Ini diikuti oleh item mengandungi matlamat dipelajari (79%), membangunkan kemahiran yang berguna untuk menyelesaikan masalah (78%), mengandungi nilai yang baik (76%) dan memahami asas mata pelajaran perubatan herba (74%).

Rumusannya, responden dalam konteks kajian ini secara keseluruhannya “sangat bersetuju” dengan jangkaan standard kurikulum yang perlu dicapai oleh murid Orang Asli melalui model *kurikulum perubatan herba* pada masa depan.

*Pandangan guru tentang kepentingan model kurikulum perubatan herba Orang Asli Untuk Sekolah Rendah Orang Asli Masa Depan*

Pandangan responden tentang kepentingan model kurikulum berasaskan intelektualisme perubatan herba Orang Asli pada masa depan dikaji dan dianalisis.

**Jadual 6:** Pandangan Guru Tentang Kepentingan Model Kurikulum Perubatan Herba

Item	Kekerapan / Peratus				
	1 (Sangat Tidak Ber- setuju)	2 (Tidak Setuju)	3 (Seder- hana Setuju)	4 (Setuju)	5 (Sangat Setuju)
1.1 Kurikulum perubatan herba penting dipelajari oleh murid Orang Asli	0 (0%)	3 (3%)	13 (13%)	77 (77%)	7 (7%)
1.2 Kurikulum perubatan herba penting dipelajari oleh guru-guru di sekolah Orang Asli	0 (0%)	4 (4%)	12 (12%)	80 (80%)	4 (4%)

Jika dilakukan pemerhatian secara menyeluruh bagi pandangan guru tentang kepentingan model kurikulum perubatan herba ini, adalah didapati 77% responden bersetuju bahawa kurikulum perubatan herba penting dipelajari oleh murid Orang Asli dan 80% bersetuju kurikulum perubatan herba penting dipelajari oleh guru-guru di sekolah Orang Asli.

Rumusannya, responden dalam konteks kajian ini secara keseluruhannya “sangat bersetuju” dengan jangkaan kepentingan model kurikulum berasaskan intelektualisme perubatan herba Orang Asli untuk Sekolah Rendah Orang Asli masa depan ini.

*Pandangan guru tentang keperluan membangunkan model kurikulum perubatan herba Orang Asli Untuk Sekolah Rendah Orang Asli Masa Depan*

Pandangan responden tentang keperluan membangunkan model kurikulum berasaskan intelektualisme perubatan herba Orang Asli pada masa depan dikaji dan dianalisis.

**Jadual 7:** Pandangan Guru Tentang Keperluan Membangunkan Model Kurikulum Perubatan Herba

Item	Kekerapan / Peratus				
	1 (Sangat Tidak Ber- setuju)	2 (Tidak Setuju)	3 (Seder- hana Setuju)	4 (Setuju)	5 (Sangat Setuju)
Perubatan herba adalah lebih baik diajar sebagai satu mata pelajaran khusus di dalam kurikulum sekolah rendah Orang Asli	0 (0%)	5 (5%)	18 (18%)	73 (73%)	4 (4%)
Perlu untuk membangunkan model kurikulum berasaskan perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah Orang Asli masa depan bagi membolehkan guru mengajar mata pelajaran perubatan herba	0 (0%)	4 (4%)	20 (20%)	72 (72%)	4 (4%)

Analisis data dalam Jadual 7 tentang pandangan guru tentang keperluan membangunkan model kurikulum perubatan herba menunjukkan bahawa 73% responden bersetuju perubatan herba adalah lebih baik diajar sebagai satu mata pelajaran khusus di dalam kurikulum sekolah rendah Orang Asli, manakala 72% responden bersetuju perlu untuk membangunkan model kurikulum berasaskan perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah Orang Asli masa depan bagi membolehkan guru mengajar mata pelajaran perubatan herba.

Rumusannya, responden dalam konteks kajian ini secara keseluruhannya “sangat bersetuju” dengan jangkaan keperluan membangunkan model kurikulum berasaskan intelektualisme perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah Orang Asli masa depan.

## PERBINCANGAN

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti keperluan untuk mereka bentuk model kurikulum berasaskan intelektualisme perubatan herba Orang Asli yang bersesuaian untuk sekolah rendah Orang Asli masa depan. Analisis keperluan ini dijalankan dengan mengenal pasti isu yang terdapat dalam pendidikan Orang Asli seperti keciciran daripada persekolahan arus perdana Orang Asli (Farah Amaneena Abdul Rahman, 2011; Hasan Mat Nor, 1997; JAKOA, 2011; JHEOA, 2003; Mohd Hanif Zakaria, 1991; Nicholas, 2006; Nurhidayah Abdullah, Noorain Samsudin, Nazli Daud, Ibrahim Mamat & Nazhri Ismaill, 2010; Santha Kumar A/l Payani Yanai, 2001; SUHAKAM, 2010). Selain itu, isu yang dikenal pasti wujud dalam pendidikan masyarakat Orang Asli ialah masyarakat Orang Asli yang menolak kurikulum yang tidak relevan dengan kehidupan mereka (Norazira Yusof, 2002). Dalam hal ini, perbezaan antara pedagogi pendidikan dan budaya masyarakat Orang Asli itu sendiri menyebabkan murid Orang Asli tidak berminat untuk mengikuti proses pembelajaran di dalam bilik darjah (Fatan Hamamah Yahaya, 2008; Ma'rof Redzuan & Abdul Razak Abd Rahman, 2009; Nicholas, 2006; SUHAKAM, 2010).

Dapatan analisis keperluan yang dijalankan menunjukkan bahawa bagi pandangan guru tentang pembangunan model kurikulum berasaskan intelektualisme perubatan herba Orang Asli dari aspek objektif, responden bersetuju dengan objektif yang boleh dicapai oleh murid Orang Asli melalui kurikulum perubatan herba ini. Manakala keseluruhan responden juga bersetuju dengan standard model kurikulum perubatan herba yang hendak dicapai. Kepentingan model kurikulum perubatan herba ini untuk diajar kepada murid Orang Asli dan guru-guru di sekolah Orang Asli telah mendapat persetujuan responden dalam kajian ini. Sehubungan itu, keseluruhan responden dalam kajian ini turut bersetuju tentang keperluan membangunkan model kurikulum perubatan herba di sekolah rendah Orang Asli. Dapatan kajian ini sangat relevan untuk mengatasi permasalahan dan isu yang terdapat dalam pendidikan masyarakat Orang Asli seperti keciciran, tidak minat ke sekolah, jemu dan bosan seterusnya boleh memberi impak yang diharapkan dalam Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli (PTPOA 2013-2017). Hasil dapatan ini juga boleh memenuhi saranan Hood Salleh (1980) yang telah mencadangkan agar “*culturally sensitive strategies*” dilaksanakan untuk mengatasi masalah keciciran pendidikan murid-murid Orang Asli ini.

Oleh yang demikian, wujud keperluan untuk membangunkan model kurikulum berasaskan intelektualisme perubatan herba Orang Asli untuk sekolah rendah Orang Asli masa depan. Sebahagian besar responden “sangat bersetuju” bahawa model kurikulum berasaskan intelektualisme perubatan herba Orang Asli perlu dibangunkan untuk murid Orang Asli pada masa depan khususnya untuk mengekalkan amalan tradisi dan sosio budaya masyarakat Orang Asli agar tidak pupus.

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Berdasarkan analisis keperluan yang dijalankan kepada 100 guru yang mengajar murid orang Asli, beberapa kesimpulan dapat dibuat berkaitan keperluan pembangunan model kurikulum berasaskan intelektualisme perubatan herba Orang Asli. Dalam menangani isu pendidikan kanak-kanak Orang asli, aplikasi model kurikulum perubatan herba ini merupakan satu bentuk cadangan pendidikan yang boleh dipertimbangkan oleh semua pihak. Murid Orang Asli perlu diberi peluang untuk mendapatkan pendidikan yang terbaik. Masyarakat Orang Asli mahukan modul pendidikan yang melambangkan identiti/jati diri Orang Asli yang meliputi sistem sosial dan budaya mereka (Nicholas, 2008). Maka, wujud keperluan untuk membangunkan model kurikulum berasaskan intelektualisme perubatan herba Orang Asli agar kebijaksanaan mereka dalam bidang perubatan herba tidak pupus begitu sahaja selain dapat mengekalkan tradisi budaya mereka. Kurikulum baru ini diharapkan dapat membuka satu dimensi baru bagi murid Orang Asli untuk mempelajari sesuatu yang dekat dengan kehidupan mereka agar mereka lebih minat untuk belajar. Hal ini demikian kerana pedagogi yang memupuk perasaan *sense of ownership* terhadap ilmu yang dipelajari mampu menarik minat pembelajaran dalam kalangan pelajar Orang Asli (Battiste et al., 2002). Situasi ini juga pastinya akan memberi lebih keyakinan kepada ibu bapa untuk menghantar anak-anaknya ke sekolah kerana segala kemahiran, amalan tradisi serta pegangan hidup yang ingin diwariskan kepada anak-anak dipenuhi dalam model kurikulum berasaskan perubatan herba Orang Asli ini.

Kesimpulannya, dalam usaha memperkasa pendidikan masyarakat Orang Asli nilai-nilai utama dalam pendidikan peribumi perlu diberi dan perlu diambil kira merangkumi identiti, keterkaitan, keterangkuman, ketimbalbalikan, pemupukan dan menghormati (Mustaffa Omar et al., 2012). Justeru melalui pembangunan model

kurikulum berasaskan intelektualisme perubatan herba Orang Asli ini diharap mampu membangunkan personaliti dalaman murid-murid Orang Asli dengan tradisi budaya yang mereka warisi (Mohd Nazri Abdul Rahman, Norlidah Alias, Saedah Siraj, & Dorothy Dewitt, 2012).

## RUJUKAN

- Azlin Hilma Hillaluddin. (2008). Penglibatan Ibu Bapa Masyarakat Orang Asli Dalam Pendidikan Anak-Anak. Dalam Fauziah Saffie & Rozita Yusoff (Ed.), *Pembangunan komuniti marginal Di Malaysia: Ke arah pengupayaan sendiri*. Penerbit Universiti Utara Malaysia: Sintok, Kedah
- Battiste, M., Bell, L. & Findlay, L. M. (2002). Decolonizing Education in Canadian Universities: An interdisciplinary, international, indigenous research project. *Canadian Journal of Native Education*, 26 (2), 82-95.
- Carey, J. (1976). *Orang Asli: The aboriginal tribes of Peninsular Malaysia*. London: Oxford University Press.
- Development And The Consumer. (2009). (17-22 Nov 1980: Penang): Vol.1, Paper 1. *Data Maklumat Asas Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli* (2009).
- Farah Amaneena Binti Abdul Rahman. (2011). *Isu-isu pendidikan di kalangan masyarakat Orang Asli sekitar Slim River, Perak*. Kajian Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim
- Fatan Hamamah Yahaya. (2008). Pendidikan Masyarakat Orang Asli. Dalam Ma'rof Redzuan & Sarjit S.Gill *Orang Asli: Isu, transformasi dan cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hasan Mat Nor. (1997). *Kajian keciciran di kalangan pelajar Orang Asli peringkat sekolah rendah*. Bangi, Selangor: UKM, Biro Rundingan dan Inovasi.
- Hasmah Abdul Manaf. (2011). *Hak Pendidikan Kaum Minoriti (Kanak-Kanak Orang Asli) Dari Perspektif Hak Asasi Manusia*. Kertas Kerja Ini Dibentangkan Di
- Hood Salleh (1980). *Orang Asli and development*. Seminar On Economics,
- Hood Salleh. (1993). Orang Asli: An appreciation. In *Colloquium on Indigeneous Peoples of the World*. Bangi: UKM, Department of Anthropology and Sociology.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2011). *Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015*.
- Jabatan Muzium Malaysia. (2010). *Katalog Pameran Magis Belantara Herba Orang Asli*.
- Johari Talib, & Nazri Muslim. (2007). Bagaimana kanak-kanak Orang Asli Gagal di Sekolah? *MALIM: Jurnal Pengajian Umum*, 8, 51-76.
- Juli Edo. (1984). Pendidikan Dan Masalah Pencapaian Akademik Orang Asli Kini. Dalam *Simposium Pembangunan Masa Depan Orang Asli di Semenanjung Malaysia*. Bangi.
- Juli Edo (1990). Tradisi Lisan Masyarakat Semai. *Monograf Bilangan 16*, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kamarulzaman Yahya. (1988). Perubatan tradisi di kalangan masyarakat Orang Asli dalam perubatan tradisi Malaysia. In *Proceedings of the Seminar on Malaysia Traditional Medicine* (pp. 226–228). Kuala Lumpur.
- Kementerian Kebudayaan Dan Warisan Malaysia. (2006). *Orang Asli khazanah tersembunyi*. Jabatan Muzium Negara.
- Khairul Hisyam Kamarudin, & Ibrahim Ngah. (2007). *Pembangunan mapan Orang Asli*. Johor Bahru: Penerbit UTM.

- Ma'rof Redzuan, & Sarjit S. Gill. (2008). *Orang Asli: Isu, transformasi dan cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohammad Johdi Salleh, & Abdul Razaq Ahmad. (2009). Kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Dalam Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd Jelas, *Masyarakat Orang Asli: Perspektif pendidikan dan sosiobudaya*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, Fakulti Pendidikan.
- Mohd Hanif Zakaria. (1991). *Pendidikan formal Orang Asli: Satu penelitian terhadap pencapaian dan masalah keciciran murid-murid Orang Asli dalam pendidikan*. Latihan Ilmiah (Tidak diterbitkan), Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Universiti Malaya
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Norlidah Alias, Saedah Siraj, & Dorothy Dewitt. (2012). *Homeschooling: Akses pendidikan berkualiti bagi kanak-kanak Orang Asal*. International Conference on Education. 26 November 2012. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Mustaffa Omar, Z. M. (2010). *Tumbuh-tumbuhan ubatan Orang Asli*. Bangi: Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mustaffa Omar, Hood Salleh, & Fatanah, N. Z. (2012), *Memperkasa Pendidik dan Pedagogi Pendidikan Orang Asli. Dalam Pendidikan dan Orang Asli dalam Arus Perdana*. Terengganu: Penerbit UniSZA.
- Nicholas, C. (2006). *The state of Orang Asli education and its problems*. Consultancy report presented at Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM), Kuala Lumpur
- Norazira Yusof. (2002). *Pendidikan: Dimensi baru perubahan sosial Masyarakat Orang Asli di Batu 12, Gombak, Selangor*. Tesis Sarjana Muda Sastera yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan Orang Asli. 2002. Kuala Lumpur: Bahagian Penyelidikan dan Penerangan, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Malaysia. Persidangan Kaum Minoriti, Institut Aminudin Baki: Nov. 2011.
- Ramlah Abdul Rahman. (2009). *Projek Rintis Kurikulum Bersepadu Sekolah Murid Orang Asli dan Penan (KAP)*. Laporan Bahagian Perkembangan Kurikulum: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ramlee Abdullah, Mohamad Hafis Amat Simin, & Azlina Abdullah, Z. M. (2012). *Pendidikan dan Orang Asli dalam arus perdana*. Kuala Terengganu: Penerbit UniSZA.
- Richey, R. C., & Klien, J. D. (2014). Design and development research. In J. M. Spector, M. D. Merrill, Jan Elen & M. J. Bishop (Eds.) *Handbook of research on educational communications and technology* (4th ed., pp.141-150). New York, NY: Springer.
- Saedah Siraj. (2011). *Kajian Masa Depan dalam pengembangan kurikulum*. Bandung, Indonesia: Penerbit Pustaka Cendekia Utama.
- Santha Kumar a/l Payani Yanai. (2001). *Masalah keciciran pendidikan di kalangan anak-anak Orang Asli di Melaka*. Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Shahjahan, R. (2005). Mapping the field of anti-colonial discourse to understand issues of indigenous knowledges: Decolonising praxis. *McGill Journal of Education*, 40(2), 213-221.
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). (2010). *Laporan status hak pendidikan kanak kanak Orang Asli*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia.
- Vanita Thanabalan. (2011). *Development of a digital story pedagogical module to facilitate reading among indigenous primary school students*. PhD thesis, University of Malaya.

- Wan Omar Abdullah. (1998). *Perubatan herba: Konsep dan pendekatan*. Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Wilfredo V Alangui. (1997). *Indigenous learning system in a Kankana-Ey community (Mountain Province)*. Dilman, Quezon City: Center for Integrative and Development Studies, University of the Philippines.
- Zainon Abu Samah. (1997). *Kajian Etnobotani ke atas enam suku kaum Orang Asli di Semenanjung Malaysia*. Disertasi yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Zainon Abu Samah. (2002). Tumbuhan ubatan: Khazanah negara yang bernilai. Dalam *Seminar Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

## KAJIAN MODEL BLENDED LEARNING DALAM JURNAL TERPILIH: SATU ANALISA KANDUNGAN

Zaharah Hussin  
Saedah Siraj  
Ghazali Darusalam  
Nur Hasbuna Mohd Salleh  
zaharah@um.edu.my

Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya

**Abstract:** This paper provides a content analysis of studies focused on the blended learning model that have been published in online journals from a database Education Resources Information Center (ERIC). A total of 489 articles on the topic blended learning were shortlisted from the database Education Resources Information Centre (ERIC) covering the period 2005 to 2014. From the total 16 articles were selected which exactly focused on the research topic. These articles were analyzed based on the scope of the study and highlighted category. In this context, the main focus is to make content analysis based on several important aspects of the study design, instruments, and research methods. The results showed that the studies focused on blended Learning have involved the quantitative design especially in the form of surveys and experimental studies as well as qualitative design involving interviews and observations.

**Keywords:** Blended learning, Content analysis


### PENGENALAN

Perkembangan teknologi yang berkembang pesat sekarang mengharuskan adanya inovasi dan transformasi dalam pembelajaran. Inovasi tersebut salah satunya adalah *blended learning*. Dalam analisis ini memfokuskan kepada kajian model *blended learning* yang terdapat dalam kajian-kajian yang telah dijalankan dari tahun 2005 hingga 2014. Terdapat pelbagai isu yang timbul apabila membicarakan berkaitan kajian *blended learning* dalam pendidikan. Dalam sistem pendidikan di negara kita penumpuan terhadap dasar pendidikan untuk melahirkan insan yang baik, menyeluruh dan bersepadu dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan soial adalah jelas berdasarkan apa yang tersurat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Justeru kepentingan penghayatan nilai murni atau sahsiah dalam kalangan manusia amat penting, kerana nilai murni yang dihayati itu akan menentukan jenis manusia yang diinginkan. Penerapan bukan hanya terhad kepada mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral serta Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, malah diterapkan melalui semua mata pelajaran yang diajar, melalui aktiviti-aktiviti harian dan kegiatan kokurikulum (Nor Hashimah Hashim, 2000; Rahimah Hj. Ahmad & Chang Lee Hon, 1997).

Salah satu cabaran negara untuk rnenjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 adalah untuk melahirkan masyarakat yang berakhlak dan bersahsiah tinggi. Kajian-kajian terdahulu menunjukkan efikasi guru berkait rapat dengan perlakuan guru yang memupuk pencapaian pelajar (Goddard et al., 2005). Ini adalah kerana guru yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi menunjukkan semangat dan komitmen yang tinggi dalam perancangan dan organisasi serta kesanggupan menghadapi karenah perlakuan pelajar (Tschannen-Moran & Hoy, 2001). Justeru penerapan ini bukan sahaja apabila bersemuka, namun boleh juga diterapkan melalui kaedah *blended learning*.

Konsep *blended learning* ini ialah pencampuran model pembelajaran konvensional dengan belajar secara online. Peserta didik diharapkan selalu aktif dan dapat menemukan cara belajar yang sesuai bagi dirinya. Guru hanya berfungsi sebagai mediator, fasilitator dan teman yang membuat situasi yang kondusif untuk terjadinya konstruksi pengetahuan pada diri peserta didik. *Blended learning* ini akan memperkuat model belajar konvensional melalui pengembangan teknologi pendidikan

Apa itu *Blended Learning*? *Blended Learning* berasal dari kata *Blended* dan *Learning*. *Blend* membawa maksud campuran dan *Learning* bermaksud belajar. Dari kedua-dua unsur kata tersebut dapat diketahui bahwa konsep *Blended Learning* ini merupakan percampuran pola belajar. Menurut Mosa, Yoo, dan Sheets (2011), pola belajar yang dicampurkan adalah dua unsur utama iaitu pembelajaran di kelas dengan *online learning*. Dalam pembelajaran *online* ini terdapat pembelajaran menggunakan jaringan internet yang di dalamnya ada pembelajaran daripada web. Rajah 1 berikut menerangkan perkara ini.



Rajah 1: Percampuran gaya pembelajaran *blended learning*.

Menurut Thorne (2003), *blended learning* adalah perpaduan dari teknologi multimedia, CD ROM video streaming, kelas virtual, voicemail, email dan *telephone conference*, animasi teks online dan video-streaming. Semua ini dikombinasi dengan bentuk tradisional pelatihan di kelas dan pelatihan satu-satu. *Blended learning* menjadi solusi yang paling tepat untuk proses pembelajaran yang sesuai tidak hanya dengan kebutuhan pembelajaran akan tetapi juga gaya pembelajar.

Perlunya dan signifikansi *blended learning* terletak pada potensinya. *Blended learning* merepresentasikan keuntungan yang jelas untuk menciptakan pengalaman belajar yang memberikan pembelajaran yang tepat pada masa yang dan waktu yang tepat pada setiap individu. *Blended learning* menjadi batasan yang benar-benar universal dan global dan membawa kelompok pembelajar bersama-sama melintas budaya dan zon waktu yang berbeza. Pada konteks ini *blended learning* dapat menjadi salah satu pengembangan paling signifikan pada abad 21. Menurut MacDonald (2003), istilah *blended learning* biasanya berkisarkan dengan memasukkan media online pada program pembelajaran, sementara pada masa yang sama tetap memperhatikan perlunya mempertahankan pertemuan secara terbuka dan pendekatan tradisional yang lain untuk mendukung pelajar. Istilah ini juga digunakan oleh media massa seperti email, forum, blogs digabungkan dengan teknologi, teks atau audio sinkronus.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kertas ini bertujuan melihat dan mengenal pasti artikel-artikel yang berkaitan dengan kajian *blended learning* yang digunakan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam *online* jurnal daripada pangkalan data Education Resources Information Centre (ERIC). Berdasarkan analisis dan penelitian yang dijalankan, pengkaji berharap untuk melihat penggunaan reka bentuk kajian, instrumen dan kaedah kajian yang digunakan. Analisis ini juga akan membantu para penyelidik untuk mendapat gambaran tentang kajian *blended learning* secara keseluruhan dalam tempoh sedekad terkini serta mampu untuk menambahkan minat para penyelidik tentang kajian *blended learning* ini. Justeru, diharapkan kajian ini mampu menjadi titik tolak kepada penyediaan pendidik terhadap kurikulum baru dalam sistem pendidikan negara terutamanya Malaysia pada masa akan datang.

Kajian ini turut memberi tumpuan kepada 16 artikel terkini daripada pangkalan data Education Resources Information Centre (ERIC) dari tahun 2005 hingga 2014. Artikel-artikel ini dianalisis berdasarkan kaedah kajian yang diutarakan. Dalam konteks ini, fokus utama adalah untuk membuat analisis kandungan berdasarkan beberapa aspek penting iaitu instrumen, reka bentuk kajian dan kaedah kajian.

Berdasarkan kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti kajian berkaitan *blended learning* yang diterbitkan dalam pangkalan data Education Resources Information Center (ERIC) sepanjang tempoh 2005 hingga 2014. Kategori topik utama juga dikenal pasti dalam pangkalan data ini dari tempoh 2013 hingga 2014.

## KAEDAH

Memandangkan kajian ini berkaitan model *blended learning* yang masih baru dalam bidang pendidikan, maka kajian ini dijalankan dalam ruang lingkup yang agak terhad dan kecil. Analisis kandungan asalnya merupakan salah satu teknik penyelidikan terutamanya dalam bidang komunikasi massa atau berkaitan dengan sesuatu teks bertulis tertentu. Pada masa kini, teknik ini telah digunakan dalam penyelidikan bagi pelbagai bidang termasuk kesusasteraan, sejarah, penulisan majalah, sains politik, pendidikan, psikologi dan lain-lain lagi (Neuman, 1997).

*Analisis kandungan*

Palmquist (2002) menghurai teks dengan maksud yang luas meliputi buku-buku, bab-bab daripada buku, esei, hasilan temu bual, perbincangan, artikel dan tajuk utama akhbar, dokumen-dokumen sejarah, ucapan-ucapan, perbualan, bahan-bahan iklan, bahan teater, bahan perbualan tidak formal atau apa-apa sahaja yang boleh dikaitkan dengan komunikasi bahasa.

Berdasarkan kaedah analisis kandungan, proses merumus dan melaporkan data bertulis (Louirs Cohen et al. dalam Cowen, 2011), topik kajian daripada artikel-artikel terpilih dianalisis dan dikategorikan mengikut tema dalam kupasan isu serta skop kajian. Sepanjang kajian dijalankan, setiap tema yang dikenal pasti telah dimurnikan secara berterusan menggunakan kaedah analisis secara tematik.

**DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Berdasarkan analisis yang dijalankan, terdapat 489 artikel yang disenarai pendek berkaitan topik *blended learning* dalam pangkalan data Education Resources Information Center (ERIC) dari tahun 2005 hingga 2014. Analisis bilangan artikel dapat dilihat berdasarkan Jadual 1.

**Jadual 1:** Bilangan artikel mengikut tahun

Tahun	Bilangan	Peratusan (%)
<b>2005-2007</b>	102	20.8
<b>2008-2010</b>	253	51.7
<b>2011-2013</b>	129	26.3
<b>2014</b>	6	1.2
<b>Jumlah</b>	489	100

Daripada analisis di atas, dapat dinyatakan bahawa artikel berkaitan *blended learning* pada tahun 2005-2007 adalah sebanyak 20.8%, manakala pada tahun 2008-2010 pula mencatatkan sebanyak 51.7% iaitu majoriti daripada artikel yang dipilih. Pada tahun 2011-2013 pula menurun iaitu sejumlah 26.3% dan pada tahun 2014 pula mencatatkan hanya 1.2% iaitu setakat bulan april.

*Analisis kandungan*

Bagi kajian terkini berkaitan *blended learning*, kertas ini turut melihat isu dalam artikel-artikel yang diterbitkan dalam pangkalan data Education Resources Information Center (ERIC) bagi tahun terkini iaitu 2013-2014. Daripada limitasi tahun ini, terdapat 16 artikel berkaitan *blended learning*. Artikel ini dianalisis kandungannya berdasarkan beberapa konstruk iaitu tajuk, sumber, reka bentuk kajian, instrumen dan jenis analisis data.

KUANTITATIF			KUALITATIF			CAMPURAN		
Students' Opinions on Facebook Supported Blended Learning Environment	Soal selidik Kajian tinjauan	Turkish Online Journal of Educational Technology - TOJET, 2014	Implementing Blended Learning at a Developing University: Obstacles in the Way	Temubual Kajian kes	Electronic Journal of e-Learning, 2014	Using Blended Learning Strategies to Address Teaching Development Needs: How Does Canada Compare?	Temu bual, pemerhatian soal selidik Kajian perbandingan	Canadian Journal of Higher Education, 2013
Lecturer-Student Communication in Blended Learning Environments	Soal selidik soalan terbuka dan tertutup Kajian tinjauan	Educational Sciences: Theory and Practice, 2013	JiFUNzeni: A Blended Learning Approach for Sustainable Teachers' Professional Development	Temu bual, analisis dokumen, pemerhatian	Electronic Journal of e-Learning, 2014	A Case Study on the Effects of an L2 Writing Instructional Model for Blended Learning in Higher Education	Soal selidik, temu bual Kajian Kes	Turkish Online Journal of Educational Technology - TOJET, 2013
Student Satisfaction with Blended and Online Courses Based on Personality Type	Soal selidik Kajian tinjauan	Canadian Journal of Learning and Technology, 2013	Quality of Blended Learning within the Scope of the Bologna Process	Soal selidik, temu bual, analisis dokumen	Turkish Online Journal of Educational Technology - TOJET, 2013	From the Perspective of Community of Inquiry Framework: An Examination of Facebook Uses by Pre-Service Teachers as a Learning Environment	Kajian tinjauan dan eksperimental	Turkish Online Journal of Educational Technology - TOJET, 2013
			Supporting More Inclusive Learning with Social Networking: A Case Study of Blended Socialised Design Education	Temu bual Kajian kes	Journal of Learning Design, 2013	Effect of Blended Learning Environment Model on High School Students' Academic Achievement	Ujian Antara kelompok, ujian pre test-post test Kajian eksperimental	Turkish Online Journal of Educational Technology - TOJET, 2014
			The Case for Blended Instruction: Is It a Proven Better Way to Teach?	Temu bual	Online Submission, 2013	Effect of the Blended Learning Environment and the Application of Virtual Class upon the Achievement and the Attitude against the Geography Course	Ujian pre test-post test Kajian eksperimental	Online Submission, 2013
			Leveraging	Soal	Journal of	Effect of	Soal	Turkish

			Disinhibition to Increase Student Authority in Asynchronous Online Discussion	selidik, temu bual, pemerhatian, nota lapangan Kajian etnografi	Asynchronous Learning Networks, 2013	Using Facebook to Assist English for Business Communication Course Instruction	selidik, temu bual, ujian pre test-post test	Online Journal of Educational Technology - TOJET, 2013
						Learning Processes in Blended Language Learning: A Mixed-Methods Approach	Soal selidik, temu bual	TESL-EJ, 2013

Daripada 16 artikel yang dikaji dan dikenal pasti, boleh dinyatakan bahawa dapatan menunjukkan terdapat kajian berbentuk kuantitatif, kualitatif dan campuran berdasarkan topik yang dipilih. Terdapat lapan artikel yang dikenal pasti menggunakan kaedah kualitatif berbanding tiga artikel menggunakan kaedah kuantitatif manakala lima artikel dikenal pasti menggunakan kaedah campuran iaitu kualitatif dan kuantitatif.

Daripada analisis berasaskan reka bentuk kajian, kajian berbentuk eksperimental sebanyak empat artikel, kajian berbentuk tinjauan sebanyak empat artikel, kajian berbentuk kajian kes sebanyak tiga artikel, kajian kualitatif sebanyak tiga artikel, kajian perbandingan satu artikel dan kajian etnografi satu artikel. Seterusnya, dari aspek penggunaan instrumentasi, penggunaan soal selidik dan temu bual masih lagi menjadi alat atau instrumen yang popular bagi kajian-kajian yang dijalankan. Hanya jenis soal selidiknya sahaja yang berbeza. Seperti contoh soalan terbuka atau tertutup dan bilangan item yang terdapat dalam soal selidik yang diedarkan. Terdapat juga kajian yang menggunakan kaedah triangulasi dengan menggunakan instrumen soal selidik dan temu bual dalam kajian.

Melihat dari sudut sumber pula, majoriti penulisan atau artikel yang dihasilkan adalah daripada *Turkish Online Journal of Educational Technology (TOJET)* iaitu sebanyak enam artikel. *Electronic Journal of e-Learning* sebanyak dua artikel, dan yang selebihnya adalah satu artikel setiap sumber penerbitan.

## RUMUSAN DAN IMPLIKASI

Secara umumnya, hasil analisis yang telah dibuat terhadap artikel-artikel yang diterbitkan dalam pangkalan data Education Resources Information Center (ERIC) bagi tahun terkini iaitu 2005-2014 menunjukkan kajian tentang *blended learning* semakin berkembang dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun dapat dinyatakan bahawa majoriti artikel yang dihasilkan adalah dengan menggunakan kajian berbentuk kualitatif iaitu menggunakan temu bual untuk mendapatkan data kajian. Tidak kurang juga dengan kajian yang melibatkan kaedah campuran yang mana berdasarkan kaedah ini sumber data adalah lebih meluas dan tepat. Sungguhpun begitu, berdasarkan sumber penerbitan pula, kebanyakan artikel diterbitkan daripada *Turkish Online Journal of Educational Technology (TOJET)* berbanding dengan sumber-sumber yang lain.

Justeru, dapatan kajian ini dapat menjadi panduan kepada penyelidik untuk menjalankan kajian yang lebih mendalam terhadap keperluan model *blended learning* ini dalam pembelajaran terutamanya di Malaysia. Ia juga dapat menjadi panduan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam membantu merangka dasar dan kurikulum tertentu pada masa depan.

## RUJUKAN

Goddard L, Barnston A. G., & Mason S. J. (2005). Evaluation of the IRI's "net assessment" seasonal climate forecasts: 1997–2001. *Bulletin of the American Meteorological Society*, 84, 1761–1781.

- Macdonald, D. (2003). Curriculum change and the post-modern world: Is the school curriculum-reform movement an anachronism? *Journal of Curriculum Studies*, 35(2), 139-149.
- Mosa, A., Yoo, I., & Sheets, L. (2011). A Systematic Review of Healthcare Applications for Smartphones. *BMC Medical Informatics and Decision Making*, 12, 67. doi: 10.1186/1472-6947-12-67
- Newman, W. N. (1997). *Social research methods: qualitative and quantitative approaches*. Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Nor hashimah Hashim. (2000). *Pemahaman guru terhadap penerapan nilai-nilai murni di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah*. Laporan penyelidikan pusat pengajian ilmu pendidikan Universiti Sains Malaysia.
- Palmquist, B. (2002). Interactive spectra demonstration. *The Physics Teacher*, 40(3). 140-142.
- Rahimah Hj. Ahmad, & Chang Lee Hon. (1997). Pendidikan moral dan nilai adalah asas meningkatkan martabat profesion perguruan. *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Moral dan Nilai dalam Pembangunan manusia*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Thorne, K. (2003). *Blended learning: How to integrate online and traditional learning*, London: Kogan Page.
- Tschannen-Moran, M., & Hoy, A. W. (2001). Teacher efficacy as an obstacle to educational reform. *Journal of Research and Development in Education*, 17, 14-27.

## KESEPADUAN PERSONALITI DALAM KALANGAN PELAJAR SARJANA MUDA PENDIDIKAN UiTM DI MALAYSIA

Samsul Aripin  
Shahrir Jamaluddin  
samsull@siswa.um.edu.my

Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya

**Abstract:** This study was aimed at investigating several dimensions influencing integration of personality among undergraduates in the Faculty of Education at Mara University of Technology Malaysia (UiTM). This study used path analysis technique by developing and testing the measurement of personality integration, attitude to following group, autonomy, positive self assessment, perception of reality and control of environment among university students. Then, a complete a priori model of personality integration was designed based on a theory and literature review to clarify the relationship between selected variables. The a priori model was suggested to test whether the the selected constructs have a good fit and can represent the research data. All the six constructs were found in a set of measurement instrument adapted from the Mental Health Inventory (MHI) administered to 420 undergraduates. Confirmatory factor analysis (CFA) was carried out to determine the best constructs to represent the latent variables being studied. It was found that in the CFA analysis the measurement model had a moderate fit and could represent the research data. This was because the values of GFI, AGFI, CFI were between 0.60 and 0.80 while RMSEA exceeded 0.06 and was below 0.10. Furthermore, the complete a priori model of modification of personality integration also fit with the empirical data with a value of GFI= 0.998, AGFI= 0.957, CFI= 0.998 and RMSEA= 0.061. The findings showed that the level of mental health among undergraduates at UiTM in Malaysia was weak.

**Keywords:** integrated personality, path analysis technique

### PENGENALAN

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organization*) menyatakan bahawa kemurungan sebagai masalah penyumbang terbesar keempat pada tahun 1990 dan dijangkakan menjadi kedua terbesar selepas penyakit jantung iskemik (*ischaemic heart disease*) pada tahun 2020 (WHO, 2004). Sementara, dalam kalangan remaja usia kuliah (20-24 tahun) di Amerika Syarikat, bunuh diri adalah punca utama kematian ketiga dan pembunuhan sebagai punca kedua (Suicide Prevention Resource Center/SPRC, 2004). Sedangkan, National Mental Health Association dan The Jed Foundation (dalam SPRC, 2004) menyatakan bahawa risiko untuk pembunuhan jauh lebih rendah dalam kalangan pelajar berbanding dengan penduduk awam di usia yang sama.

Sementara di United Kingdom (UK), bilangan pelajar di Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang mengalami masalah kesihatan mental meningkat. Hal ini didedahkan oleh laporan Ketua Perkhidmatan Kaunseling Universiti (Heads Of University Counselling Services /HUCS, 1999) yang menunjukkan peningkatan bilangan pelajar yang datang kepada perkhidmatan kaunseling universiti dengan masalah psikologi yang teruk. Di samping itu, pelajar yang bunuh diri telah meningkat daripada 2.4 pada 1983-1984 kepada 9.7 bagi setiap 100,000 pada 1993-1994 (Mental Health Foundation, 2001).

Di Malaysia, hasil Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2006 menunjukkan prevalens masalah kesihatan mental melibatkan 11.2% orang dewasa, 20.3% dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Hal ini menunjukkan peningkatan berbanding dengan kajian pada tahun 1996 yang hanya menunjukkan kadar 10.7% di kalangan orang dewasa dan 13% dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Lebih membimbangkan lagi ialah fakta yang mengangggarkan kira-kira 20 hingga 30 orang bunuh diri setiap tahun bagi setiap 100,000 rakyat di negara ini (Malaysian Psychiatric Association, 2010; Teng, 2011). Di samping itu, Laporan Tahunan Kementerian Kesihatan Malaysia mendedahkan hasil kajian pada 2011 menggunakan *the integrated health status screening format* seramai 317,766 klien didapati 2478 (0.78%) klien berisiko masalah kesihatan mental, manakala 691 (0.22%) berisiko masalah kemurungan (*depression*). Sedangkan, masalah kesihatan mental mengikut tahap umur didapati 43,780 (3.7%) bagi remaja, 31,643 (1.0%) lelaki dewasa, 32,527 (1.2%) perempuan dewasa dan 33,029 (0.5%) warga emas.

Selanjutnya, laporan masalah kesihatan mental dengan menggunakan *The Depression Anxiety Stress Scale* (DASS) seramai 35,279 klien didapati 25,070 (71%) adalah normal, manakala 10,209 (29%). Selain daripada itu, seramai 10,209 klien didapati 6222 (61%) klien berisiko stres, 8184 (80%) klien berisiko kerisauan (*anxiety*) dan 5339 (52%) klien berisiko kemurungan (*depression*) (Ministry of Health Malaysia, 2011).

Keperluan terhadap kesihatan mental dikeranakan terjadinya masalah pada mentaliti, kerana menurut Ab. Alim (1994) dari sudut kemanusiaan bahawa mental yang bermasalah akan berlaku apabila pertumbuhan individu itu tersekat. Kemudian Fisher (1994) dan Lessard (1998) mendapati bahawa masalah tekanan (*stress*) yang dalam kajian ini merupakan salah satu cabaran dalam pembentukan kesepaduan personaliti, bukan sahaja dialami oleh orang dewasa, malahan turut dialami oleh pelajar di universiti. Ini kerana universiti merupakan persekitaran unik yang sering kali menuntut pelajar menyeimbangkan pelbagai peranan dan tugas yang perlu dilaksanakan oleh mereka. Sekiranya tidak berjaya, mereka akan mudah mengalami tekanan yang akan mengganggu kesepaduan personaliti.

## PERNYATAAN MASALAH

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menyatakan bahawa:

*Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berketrampilan dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.* (Jabatan Pengajian Tinggi, 2007)

Selaras dengan FPK tujuan pendidikan ialah untuk individu dan negara. Keduanya berujuan untuk melahirkan insan yang memadukan kesemua elemen tersebut supaya menjadi warganegara yang baik. Manakala pendidikan merupakan proses asas untuk pembinaan insan yang baik, seimbang dan bersepadu untuk menjayakan hasrat dan cita-cita negara tersebut.

Institusi Pengajian Tinggi sememangnya mempunyai tugas berat. Kerana ia tidak hanya mengembangkan intelek pelajar sebagai calon tenaga ahli, tetapi yang lebih penting adalah menyiapkan pelajar dengan personaliti yang seimbang, sehingga dapat memenuhi tuntutan ilmiah, fizikal dan mental sihat serta tanggungjawab sosial. Oleh kerana itu, pelajar harus memiliki tiga kemampuan asas, iaitu: tahu (*knowledge*), berbuat (*action*) dan menghargai (*appreciate*). Seorang pelajar harus selalu menyesuaikan diri dengan kemajuan dipelbagai bidang, dan juga harus dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat tempat sosialnya (Meichati, 1983). Walaupun terdapat usaha dan perbaikan berterusan untuk membangunkan modal insan dengan mengembangkan potensi pelajar secara menyeluruh dan seimbang supaya menjadi warga negara yang baik telah menjadi fokus utama sistem pendidikan di Malaysia tetapi masih terdapat pelbagai masalah moral, disiplin dan kelemahan akademik dalam kalangan pelajar (Falsafah dan pendidikan di Malaysia, 2008; Sufean Hussin, 2004). Justeru, kajian ini akan membentuk model penuh ke atas kesepaduan personaliti dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan UiTM di Malaysia dengan melihat kesemua lima konstruk yang akan diuji sama ada mempunyai kesan langsung atau kesan tidak langsung ke atas kesepaduan personaliti dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan.

### *Kerangka Teoretikal*


Kajian ini mengadaptasi teori kesihatan mental positif yang dicadangkan oleh Jahoda (1958). Penyelidikan yang dilakukannya telah memberikan sumbangan tentang keenam konstruk sebagai kriteria kesihatan mental dengan menyeimbangkan konsep mental, normalitas, kebahagiaan dan aktualisasi diri dari perspektif yang lebih luas (Jahoda, 1958; Md. Shuaib, 1985). Selanjutnya keenam konstruk tersebut oleh Ishizuka (1988) disederhanakan menjadi tiga keperluan asas yang menentukan kesihatan aspek psikologi yakni sendiri (*self*), keintiman (*intimacy*), dan prestasi (*achievement*). Walau bagaimanapun Jagdis dan Srivastava (1999) memanifestasikan keenam konstruk tersebut dengan membina satu instrumen yang diguna pakai dalam kajian ini.

### *Kerangka Konseptual*

Dalam penyelidikan ini satu model cadangan telah dibentuk sebagai model *a priori* yang dihasilkan berdasarkan literatur (Hoyle, 1995). Model ini menggunakan teknik path analisis, seperti ditunjukkan dalam Rajah 1 berikut:

(Mutluer, 2006; McKay & Fannig, 2000; Duck, 1981; Koc & Polat, 2006; Ozbey, 2004; Ulug, 1997; Neill, 2005; Carl Rogers, 1987; Hambly, 1997; Ignoffo, 1999; Rutledge, 2000)

(Kamarulzaman, 2009; Baustad & Tammy, 1998; & Lessard, 1998; Fisher, 1994; Lessard, 1998; Wan Su, 2012; Mackay, 1961; Bujuwoye, 2002; Fisher & Hood, 1987; Philips, 1977; Warren & Carmichael, 1930; Wan Abdul Kader, 1994; Kamal Abd. Manaf, 1996; Jahoda, 1958; Ridha, 2012; Supraktinya, 1995; Ardilla & Herdiana, 2013)



(Sharma, 2012; Pascarella & Terenzini, 1991; Farnsworth, 1957; Newman & Newman, 2009; Jas Laile, 2002; Fisher, 1994, 1983; Wilkinson, 1975; Kaplan dan Baron di dalam Mahmoudi, 2012; Chammilard & Sward, 2005; Sharkey, 1997; Solikin, 2012; Foote & Cottrell di dalam Jahoda, 1958; Erikson di dalam Bee dan Boyd, 2009; Frank, Carpenter & Kupfer, 1988; Harter, 1999; Chammilard & Sward, 2005; Reid, 1998)

Rajah 1: Sokongan kajian bagi model cadangan kesepaduan personaliti dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan UiTM di Malaysia.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang bertujuan untuk menentukan hubungan antara variabel bersandar dan variabel tidak bersandar (Hopkins, 2000). Manakala, jenis penyelidikan yang digunakan ialah *ex post facto* iaitu mengkaji faktor yang sudah terjadi tanpa memanipulasi data yang sudah sedia ada, pencatatan dan penganalisaan data hasil penyelidikan secara tepat (*exact*) dengan menggunakan penghitungan-penghitungan statistik (Ary, Jacobs, & Razavieh, 2002; Punch, 1998).

Kaedah persampelan dalam kajian ini menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) bagi mengumpul maklumat dari se kumpulan sampel yang khas dan bertepatan dengan objektif kajian sebagai perwakilan formal dengan memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam populasi kajian ini. Selanjutnya, data daripada sampel kajian diperoleh melalui alat ukur borang soal selidik dengan melibatkan kaedah *survey* iaitu fakta diperoleh melalui pengukuran serta menganalisis nombor data statistik untuk memahami dan menerangkan fenomena yang boleh digunakan sebagai panduan untuk asas dan amalan (Ary et al, 2002).

Maka, sampel dalam kajian ini membabitkan pelajar sarjana muda pendidikan UiTM di Malaysia. Terdapat dua faktor utama sampel kumpulan ini dipilih iaitu pertama sangat bersesuaian dengan tujuan membuat penyelidikan ke atas tahap keenam konstruk dalam kajian ini agar kalangan pelajar yang terdidik tahu tahap mereka sebagai insan yang berilmu, berakhlak mulia dan bertanggungjawab sehingga menjadi generasi penerus Negara yang baik (Jabatan Pengajian Tinggi, 2007). Kedua, adalah faktor kemudahan pengkaji untuk mendapatkan sampel. Dalam dunia penyelidikan saat ini, sampel pelajar telah banyak menjadi *object* ataupun *subject* kajian dalam penyelidikan akademik di luar negara, khususnya dalam persoalan psikologi pendidikan, akan tetapi masih terasa perlu ditingkatkan kajian ini dijalankan di Malaysia. Selanjutnya, dalam kajian ini instrumen yang digunakan berupa satu set soal selidik yang mengandungi 2 bahagian, yakni Bahagian A mengandungi maklumat demografi sampel dan Bahagian B mengandungi alat ukur keenam konstruk. Instrumen pengukuran *Mental Health Inventory* (MHI) daripada Jagdis dan Srivastava (1999) telah diadaptasikan untuk digunakan dalam kajian ini. Instrumen tersebut diadaptasi dari teks asalnya yang berbahasa Inggeris, maka prosedur '*back to back translation*' telah dilakukan (Brislin, 1970, 1980; Harkness, 2003). Keenam variabel tersebut mengandungi 56 item yang diukur menggunakan skala ordinal. Instrumen asal menggunakan empat (4) kategori respons berbanding lima (5) yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan kebolehubahan skor (*variability*) (Majid, 2005; Royce, 1999). Kelima kategori respons disusun mengikut urutan, iaitu (1) tidak pernah, (2) jarang-jarang, (3) kadang-kadang, (4) banyak kali, (5) sentiasa.

### Dapatan Kajian

Jadual 1 menunjukkan profil responden kajian.

**Jadual 1:** Profil Responden

Jantina	n	%
Lelaki	77	18.3
Perempuan	343	81.7
JUMLAH	420	100.0

Jadual 1 menunjukkan bahawa bilangan pelajar perempuan lebih ramai berbanding pelajar lelaki; pelajar perempuan empat kali ganda berbanding pelajar lelaki bagi responden.

**Jadual 2:** Tahap Kesihatan Mental Responden

Tahap Kesihatan Mental		Jumlah	%
1	lelaki	14	3.3
	perempuan	51	12.1
	Jumlah	65	15.5
2	lelaki	52	12.4
	perempuan	238	56.7

	Jumlah	290		69.0
3	lelaki		9	2.1
	perempuan		52	12.4
	Jumlah	61		14.5
4	lelaki		2	.5
	perempuan		2	.5
	Jumlah	4		1.0
5	lelaki	0		0
	perempuan	0		0
	Jumlah	0		0
Jumlah keseluruhan		420		100.0

\*Tahap Kesihatan Mental: 1 = Sangat Lemah; 2 = Lemah; 3 = Sederhana; 4 = Baik; 5 = Sangat Baik. Norma bagi tahap Kesihatan Mental adalah berdasarkan norma yang diambil dari Jagdis dan Srivastava (1999).

Jadual 2 melaporkan bahawa majoriti responden memiliki kesihatan mental pada tahap lemah (2), bahkan sangat lemah (1). Dan tiada didapati dalam kalangan responden yang memiliki tahap kesihatan mental pada tahap yang sangat baik (5) dalam kajian ini.

Jika digabungkan antara tahap sangat lemah dan lemah dalam kalangan responden didapati sejumlah 84.5%. Manakala gabungan antara tahap sederhana dan baik dalam kalangan responden didapati sejumlah 15.5%. Hal ini menunjukkan jurang perbezaan yang sangat ketara di antara kedua gabungan tahap tersebut.

Perbandingan antara tahap lemah sebanyak 69.0% dengan gabungan tahap sederhana dan baik sebanyak 15.5% adalah empat kali ganda lebih. Manakala perbandingan antara tahap lemah dan sangat lemah sebanyak 84.5% dengan gabungan tahap sederhana dan baik sebanyak 15.5% adalah hampir lima kali ganda lebih.

Selanjutnya, aspek jantina yang paling ramai memiliki kesihatan mental pada tahap lemah dan sangat lemah adalah responden perempuan seramai 68.8%, diikuti responden lelaki seramai 15.7%.

Malahan hasil kajian ini menunjukkan bahawa tiada (0%) kesihatan mental pada tahap sangat baik kesemua responden kajian ini.

#### *Keesahan Keenam Konstruk: Analisis Faktor Konfirmatori (CFA)*

Model pengukuran menggunakan analisis faktor konfirmatori (CFA) sebagai kaedah statistik untuk menentukan hubungan antar konstruk atau variabel pendam dengan indikator-indikatornya (Byrne, 2001). Dalam kajian ini, analisis faktor konfirmatori akan berfungsi untuk menentukan tahap *goodness-of-fit* model pengukuran berdasarkan ukuran  $\chi^2$ , indeks *goodness-of-fit* GFI, AGFI, CFI dan RMSEA. Akan tetapi  $\chi^2$  dan nilai *p* bukan satu panduan yang baik untuk menguji *fit* model kerana ianya sensitif kepada saiz sampel (Byrne, 2001; Hu & Bentler, 1995). Maka dalam analisis kajian ini  $\chi^2$  dan nilai *p* tidak digunakan sebagai panduan.

#### **Jadual 3:** Indeks dan Nilai Yang Dicapai

Indeks	Nilai Yang Dicapai*	AUTNI	KP	MP	PKP	PR	SMK
Chi-square		0.000	70.657	0.895	135.452	0.000	164.074
<i>df</i>		0	9	2	5	0	5
<i>p</i>		-	0.000	0.012	0.000	-	0.000
GFI	≥ 0.90	1.000	0.986	0.997	0.966	1.000	0.963

AGFI	$\geq 0.90$	-	0.966	0.987	0.899	-	0.888
CFI	$\geq 0.90$	1.000	0.948	0.986	0.908	1.000	0.789
RMSEA	$\leq 0.06$	0.292	0.063	0.045	0.123	0.083	0.136

\*Hu & Bentler, 1993; Kline, 2005; Browne & Cudeck, 1993; Steiger, 2007; Kenny, 2003

Konstruk yang telah diuji dengan menggunakan CFA model pengukuran menunjukkan bahawa CFA model pengukuran dapat *fit* data kajian dengan baik.

**Jadual 4: Model Penuh Pengukuran: Analisis Faktor Konfirmatori (CFA)**

Indeks	Nilai Yang Dicapai*	Nilai Fit Asal	Nilai Fit <i>Collapse &amp; Recode</i>	Nilai Fit <i>Parceling</i>
CMIN		5391.276	1901.411	1274.324
<i>df</i>		1469	335	284
<i>p</i>		0.000	0.000	0.000
GFI	$\geq 0.90$	0.659	0.747	0.748
AGFI	$\geq 0.90$	0.630	0.693	0.689
CFI	$\geq 0.90$	0.532	0.623	0.661
RMSEA	$\leq 0.06$	0.069	0.092	0.091

\*Hu & Bentler, 1993; Kline, 2005; Browne & Cudeck, 1993; Steiger, 2007; Kenny, 2003

Jadual 4 menunjukkan proses model penuh pengukuran yang telah diuji dengan data sampel IPTA lain dalam kajian ini dan ditentukan *goodness-of-fit* berdasarkan GFI, AGFI, CFI dan RMSEA. Dapat diperhatikan bahawa nilai GFI, AGFI dan CFI melaporkan peningkatan pencapaian *fit* walaupun pada tahap sederhana.

**Pengesahan Silang Model Penuh Pengukuran: Analisis Faktor Konfirmatori (CFA)**

Proses pengesahan silang sering digunakan dalam konteks ramalan dan ingin menganggar ketepatan sesebuah model yang dibentuk. Kaplan (2000) mengatakan bahawa salah satu pertimbangan penting semasa menilai model berstruktur ialah menentukan sama ada model berstruktur yang dibentuk berupaya melakukan pengesahan silang yang baik apabila menggunakan saiz sampel yang berbeza daripada jumlah populasi yang sama. Maka, dalam kajian ini responden dari IPTA lain juga telah digunakan dalam proses pengujian model pengesahan silang.

**Jadual 5: Nilai Fit Pengesahan Silang Bagi Indeks**


Indeks	Nilai Yang Dicapai*	Nilai Fit <i>Parceling</i>	Nilai Fit Pengesahan Silang
CMIN		1274.324	1152.506
<i>df</i>		284	284
<i>p</i>		0.000	0.000
GFI	$\geq 0.90$	0.748	0.730
AGFI	$\geq 0.90$	0.689	0.667
CFI	$\geq 0.90$	0.661	0.689
RMSEA	$\leq 0.06$	0.091	0.094

\*Hu & Bentler, 1993; Kline, 2005; Browne & Cudeck, 1993; Steiger, 2007; Kenny, 2003

Keputusan nilai indeks *goodness-of-fit* bagi model pengesahan silang telah mencapai nilai yang tidak jauh berbeza dengan model penuh pengukuran (*Parceling*) iaitu *fit* sederhana. Hal ini bermakna secara signifikannya model pengesahan silang mendapati *fit* yang baik. Dan didapati kesemua item pada pengesahan silang menghasilkan *factor loading* yang signifikan apabila CFA dijalankan.

#### *Path Analysis* Bagi Keseluruhan Sampel UiTM

Berikut adalah keputusan *path analysis* bagi sampel UiTM.



**Jadual 6:** Indeks dan Nilai

Indeks	Nilai Yang Dicadangkan*	UiTM
Chi-square		2.572
<i>Df</i>		1
<i>P</i>		0.109
GFI	≥ 0.90	0.998
AGFI	≥ 0.90	0.957
CFI	≥ 0.90	0.998
RMSEA	≤ 0.06	0.061

Hasil analisis bagi model path analisis yang telah diuji dengan data dalam kajian ini menunjukkan bahawa dapat diperhatikan nilai GFI, AGFI, CFI telah mencapai nilai yang menandakan model path analisis *fit* data dengan baik dalam kajian ini (Browne & Cudeck, 1993; Hu & Bentler, 1993; Kenny, 2003; Kline, 2005; Steiger, 2007).


**Jadual 7:** Analisis Jumlah Kesan, Kesan Langsung dan Kesan Tidak Langsung Keseluruhan Sampel UiTM

Variabel	KesanLangsung	Kesan Tidak Langsung	Jumlah Kesan
Persepsi Realiti (PR)	.247*	AUTNI + SMK 0.045* + 0.023 = .068	.315
Menguasai Persekitaran (MP)	-.019	AUTNI + SMK 0.000 + 0.049* = .049	.030
Penilaian Kendiri Yang Positif (PKP)	.023	AUTNI + SMK 0.097* + 0.092* = .189	.212

\*Signifikan pada aras alpha < .05

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa *path analysis* bagi keseluruhan sampel UiTM didapati secara signifikan nilai tertinggi bagi kesan langsung pada Persepsi Realiti (PR). Manakala nilai tertinggi bagi kesan tidak langsung didapati pada Penilaian Kendiri Yang Positif (PKP) melalui autonomi (AUTNI).

**Jadual 8:** Mediasi Penuh (Full Mediation) dan Mediasi Separa (Partial Mediation) keseluruhan sampel UiTM



<sup>a</sup> : Mediator

—▶ Signifikan

- - - -▶ Tidak Signifikan

Berdasarkan hasil kajian *path analysis* mendapati bahawa kesan persepsi realiti (PR) terhadap kesepaduan personaliti (KP) dimediasi secara separa oleh autonomi (AUTNI). Manakala kesan menguasai persekitaran (MP) dan penilaian sendiri yang positif (PKP) terhadap kesepaduan personaliti (KP) dimediasi secara penuh oleh sikap mengikut kumpulan (SMK).

**Jadual 9:** Path Analysis Mengikut Jantina

Indeks	Nilai Yang Dicadangkan*	Jantina	
		L ( $\beta$ )	P ( $\beta$ )
<i>Chi-square</i>		6.351	0.758
<i>df</i>		1	1
<i>p</i>		0.012	0.384
GFI	$\geq 0.90$	0.974	0.999
AGFI	$\geq 0.90$	0.453	0.985
CFI	$\geq 0.90$	0.970	1.000
RMSEA	$\leq 0.06$	0.265	0.000

\*Hu & Bentler, 1993; Kline, 2005; Browne & Cudeck, 1993; Steiger, 2007; Kenny, 2003

Nilai indeks *goodness-of-fit* untuk *path analysis* bagi pelajar lelaki dan pelajar perempuan UiTM didapati mencapai *fit* yang baik bagi pelajar lelaki UiTM. Manakala nilai GFI dan CFI bagi pelajar perempuan juga didapati baik kecuali nilai AGFI dan RMSEA yang menunjukkan nilai *fit* lemah dalam kajian ini. Apabila perbandingan dibuat, didapati secara keseluruhan path analisis bagi pelajar lelaki *fit* data kajian dengan lebih baik berbanding pelajar perempuan.

**Jadual 10:** Analisis Jumlah Kesan, Kesan Langsung dan Kesan Tidak Langsung Path Analisis Bagi sampel Lelaki (L) dan Pelajar Perempuan (P) UiTM

Variabel	Kesan Langsung	Kesan Tidak Langsung	Jumlah Kesan
<b>Lelaki</b>			
Persepsi Realiti (PR)	.070	AUTNI + SMK 0.125 + 0.092 = .217	.286
Menguasai Persekitaran (MP)	-.189	AUTNI + SMK -0.072 + 0.201* = .129	-.060
Penilaian Kendiri Yang Positif (PKP)	-.006	AUTNI + SMK 0.252* + 0.047 = .299	.294
<b>Perempuan</b>			
Persepsi Realiti (PR)	.288*	AUTNI + SMK 0.028* + 0.012 = .040	.329
Menguasai Persekitaran (MP)	.017	AUTNI + SMK 0.004 + 0.032* = .036	.053
Penilaian Kendiri Yang Positif (PKP)	.033	AUTNI + SMK 0.065* + 0.094* = .159	.192

\*Signifikan pada aras alpha < .05

Keputusan kajian menunjukkan bahawa secara signifikan nilai tertinggi *path analysis* bagi kesan langsung didapati pada persepsi realiti (PR) pelajar perempuan. Manakala nilai tertinggi bagi kesan tidak langsung didapati pada Penilaian Kendiri Yang Positif (PKP) melalui autonomi (AUTNI) pelajar lelaki.

#### *Mediasi Penuh dan Mediasi Separa Path Analisis bagi sampel Lelaki (L) dan Pelajar Perempuan (P) UiTM*

Hasil kajian ini mendapati bahawa kesan persepsi realiti (PR) terhadap kesepaduan personaliti (KP) bagi pelajar lelaki UiTM tidak didapati mediator. Manakala kesan menguasai persekitaran (MP) terhadap kesepaduan

personaliti (KP) dimediasi secara penuh oleh sikap mengikut kumpulan (SMK). Sedangkan kesan penilaian sendiri yang positif (PKP) terhadap kesepaduan personaliti (KP) dimediasi secara penuh oleh autonomi (AUTNI).

Selanjutnya, hasil kajian juga mendapati bahawa kesan persepsi realiti (PR) terhadap kesepaduan personaliti (KP) bagi pelajar perempuan UiTM dimediasi secara separa oleh autonomi (AUTNI). Manakala kesan menguasai persekitaran (MP) terhadap kesepaduan personaliti (KP) dimediasi secara penuh oleh sikap mengikut kumpulan (SMK). Sedangkan kesan penilaian sendiri yang positif (PKP) terhadap kesepaduan personaliti (KP) dimediasi secara penuh oleh sikap mengikut kumpulan (SMK) dan autonomi (AUTNI).

#### Moderator

Dalam kajian ini, analisis *multiple group* telah dilaksanakan untuk menguji kesan *moderating* berbanding beberapa variabel. IPTA dan jantina telah diuji untuk menentukan fungsinya sebagai moderator bagi model penuh kesepaduan personaliti.

#### Moderator: IPTA

Dalam kajian ini, IPTA adalah UiTM. Maka, sampel pelajar UiTM tersebut terlibat dalam analisis moderator.

**Jadual 11**

Indeks*	Model Penuh	Model Constraint		UiTM
Chi-square	33.723	48.768		2.572
<i>df</i>	4	6		1
<i>p</i>	0.000	0.000	$\Delta\chi^2 =$ 15.045 $p > .05$ ns	0.109
GFI	0.993	0.990	(IPTA adalah bukan moderator)	0.998
AGFI	0.858	0.864		0.957
CFI	0.991	0.987		0.998
RMSEA	0.067	0.066		0.061

\*Hu & Bentler, 1993; Kline, 2005; Browne & Cudeck, 1993; Steiger, 2007; Kenny, 2003

Dapat diperhatikan nilai  $\chi^2$  bagi UiTM adalah sebanyak 2.572. Manakala perbezaan darjah kebebasan ialah 1 dan nilai *p* bagi UiTM sebanyak 0.109. Didapati bahawa nilai  $p > .05$  yang menunjukkan tidak wujud perbezaan antara model tersebut, maka IPTA adalah bukan moderator bagi kajian ini.

#### Moderator: Jantina

Dalam kajian ini, jantina dikumpulkan kepada dua kategori iaitu pelajar lelaki dan pelajar perempuan, maka kedua-dua sampel tersebut terlibat dalam analisis moderator.

**Jadual 12:**  $\chi^2$  dan Indeks Goodness-of-Fit Untuk Path Analisis Bagi Moderator Jantina

Indeks*	Model Penuh	Model Constraint	
Chi-square	29.037	34.248	
<i>df</i>	2	4	$\Delta\chi^2 = 5.211$ $\Delta df = 2$ $p > .05$ ns
<i>p</i>	0.000	0.000	(Jantina bukan moderator)
GFI	0.994	0.993	
AGFI	0.883	0.931	

CFI	0.992	0.991
RMSEA	0.089	0.066

\*Hu & Bentler, 1993; Kline, 2005; Browne & Cudeck, 1993; Steiger, 2007; Kenny, 2003

Jadual 12 melaporkan perbandingan keputusan nilai  $\chi^2$  dan indeks *goodness-of-fit* untuk *path analysis* bagi moderator jantina. Dapat diperhatikan perbezaan nilai  $\chi^2$  bagi model penuh sebanyak 29.037 dan bagi model constraint sebanyak 34.248. Didapati bahawa nilai  $\Delta\chi^2 = 5.211$ ,  $\Delta df = 2$  dan nilai  $p > .05$  menunjukkan model asal adalah lebih baik berbanding model constraint. Hal ini membuktikan bahawa jantina bukan moderator dalam menjelaskan kesepaduan personaliti (KP).

## PERBINCANGAN

Dalam Perbincangan ini terdapat dua bahagian dapatan iaitu pertama, path analisis keseluruhan sampel IPTA dan jantina. Kedua, membincangkan moderator bagi IPTA dan jantina.

### *Path Analysis Keseluruhan Sampel IPTA dan Jantina*

Dalam kajian ini, persepsi realiti bagi keseluruhan sampel pelajar sarjana muda pendidikan UiTM dapat memberi kesan secara langsung ke atas kesepaduan personaliti. Dapatan ini memperkuat pernyataan bahawa faktor persekitaran dapat mempengaruhi kesihatan mental pelajar. Faktor persekitaran ini adalah salah satu daripada tiga faktor utama yang mempengaruhi kesihatan mental pelajar yaitu ciri-ciri khusus individu, faktor persekitaran dan peristiwa dalam hidup (Lim, 2008; Malaysian Psychiatric Association, 2008; Rice, 2001). Kesihatan juga wujud kerana adanya kesejahteraan sosial dari tiga faktor yang menjadi ciri dari kesihatan yakni faktor kesejahteraan fizikal, mental serta sosial (WHO, 2004). Jelas bahawa faktor persekitaran mengandungi aspek sosial, kerana menurut Langgulung (1983) dan Lim (2008) kesihatan mental merupakan penyesuaian sosial yang berbeza mengikut tempat dan waktu yang dimiliki oleh pelajar dalam pelbagai tahap. Bahkan, ianya menunjukkan darjat atau sejauh manakah seseorang berjaya menyesuaikan diri secara dalaman di antara penggerak-penggerak dan pendorong-pendorongnya yang pelbagai, di samping menyesuaikan diri dengan alam sekitar sekelilingnya termasuk benda hidup atau bukan hidup.

Persekitaran UiTM yang letaknya berada di bandaraya dan dekat dengan Kuala Lumpur, ibu negara Malaysia merupakan faktor yang menunjukkan pentingnya peranan persepsi realiti dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Persekitaran dalam bandaraya yang pasti banyak memiliki tuntutan dan cabaran seperti bebanan hidup yang mendesak, cara dan gaya hidup yang makin mencabar, keadaan yang terdapat di kawasan teras khususnya kepadatan penduduk yang tinggi, harga dan sewa rumah di kawasan teras yang mahal, keperluan materialistik akan menyebabkan pelajar terpaksa “membesar lebih cepat daripada masanya” (Katiman Rostam, 2006; Malaysian Psychiatric Association, 2008). Disamping itu, banyak faktor lain yang mempengaruhi kesihatan mental pelajar, seperti tekanan yang mungkin boleh berlaku akibat masalah pertelingkahan dengan rakan sebaya, ibu bapa dan keluarga, kemudian juga masalah perkuliahan dan pelbagai aktiviti sosial (Lim, 2008; Malaysian Psychiatric Association, 2008). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pentingnya bagi pelajar untuk memiliki dimensi persepsi realiti dan menguasai persekitaran dalam rangka membentuk kesepaduan personaliti. Tambahan pula bahawa pendidikan di Malaysia merupakan satu aset yang sangat berharga bagi negara. Malaysia juga bergerak maju dalam bidang pendidikan yang sangat memerlukan modal insan dalam kalangan pelajar yang berkualiti dalam semua aspek termasuklah aspek kesihatan fizikal, mental dan juga sosial kerana kesihatan mempunyai impak yang sangat besar terhadap kebahagiaan hidup dan kemahiran mengerjakan tugas yang secara langsung memberi kesan terhadap produktiviti perkuliahan pelajar.

Kesan tidak langsung juga terdapat pada persepsi realiti ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi bagi keseluruhan sampel pelajar sarjana muda pendidikan UiTM. Dapatan ini juga jelas menunjukkan bahawa bagi sampel pelajar sarjana muda pendidikan UiTM yang terletak di Bandaraya mendapati persepsi realiti memainkan peranan penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti melalui autonomi. Dapatan kajian ini disokong oleh Katiman Rostam (2006) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa kehidupan di Bandaraya membawa tekanan dengan cara hidup yang lebih mencabar seperti kepadatan penduduk yang tinggi, kos sara hidup yang mahal. Hal ini kerana arus globalisasi yang menyebabkan kehidupan bandaraya dipenuhi dengan aspek materialistik (Kasim Mansur, Gusni Saat, & Said Effendi, 2009) dan meluasnya individualisme, ketidakpedulian serta kurangnya kawalan sosial

yang formal (Wirth, 1938). Oleh kerana itu, mungkin cabaran hidup yang berat tersebut membuat pelajar terbiasa lebih *survive* dalam menjalani kehidupan. Jadi, bagi pelajar UiTM memiliki kestabilan diri dalam tindakannya dan lebih bergantung pada potensi diri sebagai manifestasi autonomi telah memadai untuk pembentukan kesepaduan personaliti (Jagdis & Srivastava, 1999).

Kesan tidak langsung juga berlaku bagi menguasai persekitaran untuk keseluruhan sampel pelajar sarjana muda pendidikan UiTM ke atas kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan. Dapatan kajian ini disokong oleh pernyataan Warren dan Carmichael (1930) yang menyatakan bahawa gabungan di antara psikologikal dan fizikal sebagai kesepaduan personaliti dengan persekitarannya (Kamarulzaman, 2009). Baustad (1998) dan juga Lessard (1998) mendapati bahawa beban kerja akademik sebagai penyebab stres bagi kalangan pelajar. Hal ini bermakna pelajar atau pelajar yang tidak mampu menjalankan tanggungjawab dan tidak cekap dalam memenuhi keperluan mengikut keadaan yang merupakan manifestasi dimensi menguasai persekitaran akan memunculkan ketidakmampuan individu dalam penyeimbangan psikik, memahami dan berkongsi perasaan pada orang lain, memberikan tumpuan dalam pembelajaran dan minat beraktiviti sebagai manifestasi dari dimensi kesepaduan personaliti yang pada akhirnya pelajar akan mudah mengalami stres (Baustad, 1998; Fisher, 1994; Lessard, 1998; Lim, 2008). Maka bagi pelajar UiTM yang terletak di Bandaraya mendapati menguasai persekitaran memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan.

Dalam kajian ini pula terdapat kesan tidak langsung penilaian sendiri yang positif bagi keseluruhan sampel pelajar sarjana muda pendidikan UiTM ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan. Hal ini menunjukkan bahawa dimensi penilaian sendiri yang positif lebih kepada aspek nilai yang menurut Horney (1950) dan Jamaludin Ramli (2014) sebagai penilaian seseorang ke atas dirinya sendiri atau bagaimana ia menganggap tentang dirinya sendiri sama ada secara positif atau negatif. Ia juga berkait rapat dengan perasaan seseorang terhadap kebolehan dirinya, perkara yang berlaku pada dirinya dan perkara yang akan berlaku padanya. Dan proses tersebut menurut Engler (1991) mengakibatkan pengubahsuaian sendiri yang akan mewujudkan neurotik kepada seseorang. Maka dapatan kajian ini selaras dengan pernyataan Jamaludin Ramli (2014) dan Horney (1950) yang menghubungkan penilaian sendiri yang positif dengan penilaian orang lain yakni penilaian individu mengenai persepsi orang lain terhadap dirinya yang terjadi melalui derianya di antara diri dan alam sekelilingnya sehingga mempengaruhi perasaan tentang kebolehannya yang meliputi keyakinan dan harga dirinya. Oleh kerana itu, dapatan ini menerangkan bahawa autonomi dan sikap mengikut kumpulan sebagai mediator memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti.

Di samping itu, kajian Sharma (2012) serta Pascarella dan Terenzini (1991) mendapati peralihan dari sekolah ke Universiti sebagai sebuah proses yang kompleks bagi kebanyakan pelajar, sehingga peralihan ini digambarkan sebagai kejutan budaya yang melibatkan perubahan sosial yang ketara dan belajar kembali secara psikologis dalam menghadapi pelbagai ide, guru dan kawan yang baharu dan berlainan nilai serta kepercayaan, kebebasan dan peluang yang baharu, tuntutan akademik, peribadi dan sosial yang baharu. Selain daripada itu, Farnsworth (1957) berpendapat bahawa masa kuliah adalah menghampiri masa remaja yang menuntut kemampuan untuk memperoleh pelbagai ide di dalam memenuhi keperluan hidup sebagai orang dewasa. Tuntutan ini disebut dengan berdikari seperti pernyataan Newman dan Newman (2009) yang mengkaitkan di antara berdikari dan autonomi dalam kalangan pelajar yang telah menganggap dirinya mempunyai autonomi dari orang tua mereka, atau dikenal dengan *separation-individuation* (Jas Laile, 2002). Aspek berdikari pada diri pelajar yang diekspresikan dengan membuat keputusan sendiri, bertanggungjawab atas perbuatannya, bahkan pada tahap kemandirian kewangan (Newman & Newman, 2009). Di sisi lain, kajian Baustad (1998) serta kajian Lessard (1998) mendapati bahawa beban kerja akademik sebagai penyebab stres bagi kalangan pelajar universiti. Ianya merupakan tuntutan kepada diri pelajar di alam perkuliahan untuk memiliki dimensi sikap mengikut kumpulan (Baustad, 1998; Fisher, 1994; Lessard, 1998). Ke semua aspek-aspek ini menunjukkan adanya hubungan dari penilaian sendiri yang positif yang dimanifestasikan dengan memiliki keyakinan diri, penerimaan diri, identiti diri, perasaan berharga dan kesedaran potensi diri sehingga akan memunculkan autonomi pada diri pelajar dengan manifestasi memiliki kestabilan diri dalam bertindak dan bergantung pada potensi diri serta memunculkan juga sikap mengikut kumpulan yang dimanifestasikan dengan kemampuan bergaul dengan rakan sebaya ataupun orang lain, kemampuan mengerjakan tugas bersama rekan dan kemampuan menemukan suasana yang selesa (Jagdis & Srivastava, 1999). Maka, pada akhirnya akan membentuk keseimbangan psikik, kemampuan memahami dan berkongsi perasaan pada orang lain, kemampuan memberikan tumpuan dalam pembelajaran serta memiliki minat untuk beraktiviti sebagai manifestasi daripada kesepaduan personaliti.

Selanjutnya, dapatan kajian mengikut jantina menunjukkan persepsi realiti bagi pelajar perempuan UiTM dapat memberi kesan secara langsung ke atas kesepaduan personaliti. Dapatan ini memperkuat pernyataan bahawa faktor persekitaran dapat mempengaruhi kesihatan mental kerana persekitaran merupakan salah satu daripada tiga

faktor utama yang mempengaruhi kesihatan mental pelajar universiti (Lim, 2008; Malaysian Psychiatric Association, 2008). Selain daripada itu, menurut WHO (2004) kesihatan wujud kerana adanya kesejahteraan sosial dari tiga faktor yang menjadi ciri dari kesihatan. Jelas bahawa faktor persekitaran mengandungi aspek sosial, kerana menurut Langgulung (1983) dan Lim (2008) kesihatan mental merupakan penyesuaian sosial yang berbeza mengikut tempat dan waktu yang dimiliki oleh pelajar dalam pelbagai tahap. Bahkan, ianya menunjukkan darjat atau sejauh manakah seseorang berjaya menyesuaikan diri secara dalaman di antara penggerak-penggerak dan pendorong-pendorongnya yang pelbagai, di samping menyesuaikan diri dengan alam sekitar disekelilingnya termasuk benda hidup atau bukan hidup. Persekitaran bagi pelajar perempuan UiTM yang mana IPTA mereka berada di Bandaraya merupakan faktor yang menunjukkan pentingnya peranan persepsi realiti dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Hal ini disebabkan persekitaran di dalam Bandaraya yang memiliki banyak tuntutan dan cabaran termasuk faktor-faktor yang mempengaruhi kesihatan mental pelajar, seperti tekanan yang diakibatkan masalah pertelingkahan dengan rakan sebaya, ibu bapa dan keluarga, kemudian juga masalah perkuliahan dan pelbagai aktiviti sosial (Katiman Rostam, 2006; Lim, 2008; Malaysian Psychiatric Association, 2008). Maka, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penting bagi pelajar untuk memiliki dimensi persepsi realiti dalam rangka membentuk kesepaduan personaliti. Oleh kerana itu, menurut Evans et al. (1994) kesihatan mempunyai impak yang sangat besar terhadap kebahagiaan hidup dan kemahiran mengerjakan tugas yang secara langsung memberi kesan terhadap produktiviti perkuliahan pelajar, khasnya pelajar perempuan UiTM dalam kajian ini.

Kesan tidak langsung juga terdapat pada persepsi realiti ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi bagi pelajar perempuan UiTM. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pentingnya peranan autonomi dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Di sisi lain, pendapat Farnsworth (1957) bahawa masa kuliah adalah menghampiri masa remaja yang menuntut kemampuan untuk memperoleh pelbagai ide di dalam memenuhi keperluan hidup sebagai orang dewasa, sama ada pelajar lelaki mahupun perempuan. Tuntutan yang direalisasikan dengan kemampuan berdikari yang berhubungkait dengan autonomi oleh kalangan pelajar dianggap bahawa dirinya telah memiliki autonomi dari orang tua mereka atau dikenal dengan *separation-individuation* (Jas Laile, 2002; Newman & Newman, 2009). Selanjutnya Newman dan Newman (2009) menyatakan bahawa aspek berdikari pada diri pelajar diekspresikan dengan membuat keputusan sendiri, bertanggung jawab atas perbuatannya, bahkan pada tahap kemandirian kewangan. Kemudian Abdul Rahman Embong (2011) juga menyatakan bahawa kehidupan di Bandar terjadi proses pembandaran seperti halnya Bandaraya dan masih terus berlaku, sehingga kehidupan bandar atau urbanisme sudah menjadi cara hidup dan unsur penting dalam peradaban masyarakat Malaysia. Oleh kerana itu, adanya cara hidup yang mencabar seperti semakin padatnya penduduk, kos sara hidup yang mahal, adanya arus globalisasi dengan aspek materialistik dan meluasnya individualisme (Kasim Mansur et al., 2009; Katiman Rostam, 2006; Wirth, 1938) menjadikan pelajar perempuan UiTM memiliki kestabilan diri dalam tindakannya dan lebih bergantung pada potensi diri sebagai manifestasi autonomi dalam pembentukan kesepaduan personaliti (Jagdis & Srivastava, 1999).

Kesan tidak langsung juga dapat dilihat pada menguasai persekitaran ke atas kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan bagi pelajar lelaki dan pelajar perempuan UiTM. Hal ini menerangkan bahawa menguasai persekitaran bagi pelajar lelaki dan pelajar perempuan UiTM turut berperanan dalam pembentukan kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan yang bertindak sebagai mediator. Hubungan yang positif ini juga menunjukkan bahawa pentingnya menguasai persekitaran bagi pelajar lelaki dan pelajar perempuan UiTM dalam pembentukan kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan kerana Lim (2008) mendapati dalam kajiannya bahawa faktor persekitaran akademik adalah salah satu faktor yang menyebabkan pelajar mengalami masalah kesihatan mental. Selain itu, hasil kajian ini juga mendapati bahawa adanya hubungan yang positif antara menguasai persekitaran dengan sikap mengikut kumpulan yang bertindak sebagai mediator dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Hal ini menunjukkan bahawa sikap mengikut kumpulan memainkan peranan yang sangat penting bagi pelajar lelaki dan pelajar perempuan UiTM dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Dapatan ini juga selaras dengan pernyataan Abdul Rahman Embong (2011) bahawa kehidupan di Bandar dan Bandaraya seperti lokasi UiTM terjadi proses pembandaran dan masih terus berlaku, sehingga urbanisme sudah menjadi cara hidup dan unsur penting dalam peradaban masyarakat Malaysia, akan tetapi kewujudan hubungan sosial baharu yang urban sifatnya tidak semestinya melenyapkan hubungan kekeluargaan dan komuniti.

Maka Abdul Rahman Embong (2011) mendapati bahawa peranan manusia sebagai agensi yang mampu membentuk semula hubungan dan organisasi sosial mereka bagi memenuhi tujuan kehidupan sosial berpandukan nilai-nilai budaya dan keagamaan masih tetap berlaku di Bandar dan Bandaraya. Bahkan, kajian Ainur Zaireen dan Jalaluddin (2010) di Bandaraya Shah Alam mendapati bahawa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan konsep Bandar selamat yang amat bergantung kepada persekitaran fizikal, sehingga PBT telah melaksanakan langkah-langkah keselamatan menerusi pelbagai kegiatan kemasyarakatan untuk mencegah perilaku jenayah di kawasan

tempat tinggal mereka. Maka, jelas bahawa bagi pelajar lelaki dan pelajar perempuan UiTM kemampuan bergaul sama ada rakan sebaya ataupun orang lain, kemampuan bekerja sama dengan rakan, kemampuan menemukan suasana yang selesa (Jagdis & Srivastava, 1999) masih tetap diperlukan dan dilestarikan.

Kesan tidak langsung bagi penilaian sendiri yang positif ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi dan sikap mengikut kumpulan didapati pada pelajar perempuan UiTM. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa dimensi penilaian sendiri yang positif lebih kepada aspek nilai yang menurut Horney (1950) dan Jamaludin Ramli (2014) sebagai penilaian seseorang ke atas dirinya sendiri atau bagaimana ia menganggap tentang dirinya sendiri sama ada secara positif atau negatif. Ia juga berkait rapat dengan perasaan seseorang terhadap kebolehan dirinya, perkara yang berlaku pada dirinya dan perkara yang akan berlaku padanya. Bahkan, proses tersebut menurut Engler (1991) mengakibatkan pengubahsuaian sendiri yang akan mewujudkan neurotik kepada seseorang. Maka dapatan kajian ini selaras dengan pernyataan Jamaludin Ramli (2014) dan Horney (1950) yang menghubungkan penilaian sendiri yang positif dengan penilaian orang lain dan penilaiannya mengenai persepsi orang lain terhadap dirinya yang terjadi melalui derianya di antara diri dan alam sekelilingnya sehingga mempengaruhi perasaan tentang kebolehannya yang meliputi keyakinan dan harga dirinya. Oleh kerana itu, dapatan ini menerangkan bahawa autonomi dan sikap mengikut kumpulan sebagai mediator memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan kesepaduan personaliti. Selain daripada itu, kajian Sharma (2012) serta Pascarella dan Terenzini (1991) mendapati peralihan dari sekolah ke universiti sebagai sebuah proses yang kompleks bagi kebanyakan pelajar, sehingga peralihan ini digambarkan sebagai kejutan budaya yang melibatkan sosial yang ketara dan belajar kembali secara psikologis dalam menghadapi pelbagai ide, guru dan kawan yang baharu dan berlainan nilai serta kepercayaan, kebebasan dan peluang yang baharu, tuntutan akademik, peribadi dan sosial yang baharu.

Selain itu, Farnsworth (1957) berpendapat bahawa masa kuliah adalah menghampiri masa remaja yang menuntut kemampuan untuk memperoleh pelbagai ide dalam memenuhi keperluan hidup sebagai orang dewasa. Tuntutan ini disebut dengan berdikari seperti pernyataan Newman dan Newman (2009) yang mengkaitkan di antara berdikari dan autonomi dalam kalangan pelajar yang telah menganggap dirinya mempunyai autonomi dari orang tua mereka, atau dikenal dengan *separation-individuation* (Jas Laile, 2002). Aspek berdikari pada diri pelajar yang diekspresikan dengan membuat keputusan sendiri, bertanggungjawab atas perbuatannya, bahkan pada tahap kemandirian kewangan (Newman & Newman, 2009). Di sisi lain, kajian Baustad (1998) serta kajian Lessard (1998) mendapati bahawa beban kerja akademik sebagai penyebab stres bagi kalangan pelajar. Ianya merupakan tuntutan kepada diri pelajar di alam perkuliahan untuk memiliki dimensi sikap mengikut kumpulan (Baustad, 1998; Fisher, 1994; Lessard, 1998). Kesemua aspek-aspek ini menunjukkan adanya hubungan dari penilaian sendiri yang positif yang dimanifestasikan dengan memiliki keyakinan diri, penerimaan diri, identiti diri, perasaan berharga dan kesedaran potensi diri sehingga akan memunculkan autonomi pada diri pelajar dengan manifestasi memiliki kestabilan diri dalam bertindak dan bergantung pada potensi diri serta memunculkan juga sikap mengikut kumpulan yang dimanifestasikan dengan kemampuan bergaul dengan rakan sebaya ataupun orang lain, kemampuan mengerjakan tugas bersama rakan dan kemampuan menemukan suasana yang selesa (Jagdis & Srivastava, 1999). Maka, pada akhirnya akan membentuk keseimbangan psikik, kemampuan memahami dan berkongsi perasaan pada orang lain, kemampuan memberikan tumpuan dalam pembelajaran serta memiliki minat untuk beraktiviti sebagai manifestasi daripada kesepaduan personaliti (Jagdis & Srivastava, 1999).

Manakala kesan tidak langsung bagi penilaian sendiri yang positif ke atas kesepaduan personaliti melalui autonomi didapati pada pelajar lelaki UiTM. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Md Safian (2007) yang mendapati bahawa lelaki lebih baik daripada perempuan dalam aspek fungsi fizikal dan fungsi sosial. Sedangkan dari aspek kesihatan mental dan tahap produktiviti pula, kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara lelaki dan perempuan. Oleh kerana itu, hal ini mungkin menunjukkan bahawa pelajar lelaki tiada masalah dalam interaksi sosial, terutama rakan sebaya. Dan yang perlu bagi mereka adalah pengukuhan dalam kestabilan dalaman bagi tindakannya serta sangat bergantung kepada potensi yang dimilikinya sebagai manifestasi autonomi. Bahkan, Marhani (2013) dan National Institute For Clinical Excellence (2003) menyatakan bahawa kebanyakan kecelaruan mental berlaku pada kadar yang sama antara wanita dan lelaki tetapi gejala kecelaruan mental adalah berbeza. Kecelaruan mental yang lebih melanda kaum wanita berbanding dengan lelaki disebabkan wanita dilanda kemurungan dengan kadar dua kali ganda lebih daripada lelaki. Dan didapati satu daripada empat wanita memerlukan rawatan untuk kemurungan berbanding dengan satu dalam sepuluh untuk lelaki atau menurut National Statistics (2003) 29% perempuan berbanding 17% lelaki. Marhani (2013) menjelaskan bahawa tingginya tahap kemurungan bagi wanita daripada lelaki disebabkan terdapatnya perbezaan dalam tiga aspek, iaitu aspek psikologi yang mana lelaki lebih menerima tekanan untuk tidak menunjukkan perasaan sedangkan wanita lebih dilanda oleh masalah rendah diri dan mudah hilang kawalan; aspek sosial, iaitu kurangnya sokongan untuk kaum wanita; dan aspek biologi yang ada pada kaum wanita apabila terjadinya perubahan hormon yang menambahkan risiko kemurungan.

Selanjutnya, National Statistics on Psychiatric Morbidity (2001) melaporkan bahawa wanita adalah dua kali lebih berkemungkinan untuk mengalami kebimbangan berbanding lelaki, bahkan kira-kira 60% yang mengalami penyakit fobia adalah wanita. Dan Lim (2008) dalam kajiannya melaporkan bahawa pelajar perempuan mengalami tekanan lebih tinggi daripada pelajar lelaki. Hal ini menunjukkan bahawa penilaian sendiri yang positif memainkan peranan yang sangat penting di dalam pembentukan kesepaduan personaliti melalui autonomi bagi pelajar lelaki.

#### *Moderator IPTA dan Jantina*

Dalam kajian ini didapati bahawa IPTA adalah bukan moderator bagi menjelaskan kesepaduan personaliti dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan. Dapatan ini bebezanya dengan pernyataan bahawa faktor persekitaran IPTA dapat mempengaruhi kesihatan mental pelajar yang dalam kajian ini dimanifestasikan oleh kesepaduan personaliti. Hal ini kerana menurut Malaysian Psychiatric Association (2008) dan Lim (2008) bahawa persekitaran adalah salah satu daripada tiga faktor utama yang mempengaruhi kesihatan mental pelajar yakni ciri-ciri khusus individu, faktor persekitaran dan peristiwa dalam hidup. Di samping itu, WHO (2004) menyatakan bahawa kesihatan diwujudkan oleh faktor kesejahteraan sosial yang merupakan salah satu di antara tiga faktor yang menjadi ciri dari kesihatan yakni faktor kesejahteraan fizikal, mental dan sosial. Maka, dalam hal ini jelas bahawa faktor persekitaran mengandungi aspek sosial, begitu pula IPTA dan persekitarannya. Langgulung (1983) dan Lim (2008) berpendapat bahawa kesihatan mental merupakan penyesuaian sosial yang berbeza mengikut tempat dan waktu yang dimiliki oleh pelajar dalam pelbagai tahap. Bahkan, ianya menunjukkan darjat atau sejauh manakah seseorang berjaya menyesuaikan diri secara dalaman di antara penggerak-penggerak dan pendorong-pendorongnya yang pelbagai, di samping menyesuaikan diri dengan alam sekitar sekelilingnya termasuk benda hidup atau bukan hidup. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa persekitaran bagi UiTM adalah tidak mempengaruhi kesepaduan personaliti pelajar sarjana muda pendidikan walaupun mungkin persekitaran di dalam Bandaraya memiliki banyak tuntutan dan cabaran seperti bebanan hidup yang mendesak, cara dan gaya hidup yang makin mencabar, keadaan yang terdapat di kawasan teras khususnya kepadatan penduduk yang tinggi, harga dan sewa rumah di kawasan teras yang mahal, keperluan materialistik akan menyebabkan pelajar terpaksa “membesar lebih cepat daripada masanya” (Katiman Rostam, 2006; Malaysian Psychiatric Association, 2008). Tambahan pula, faktor-faktor tekanan yang diakibatkan masalah pertelingkahan dengan rakan sebaya, ibu bapa dan keluarga, kemudian juga masalah perkuliahan dan pelbagai aktiviti sosial (Lim, 2008; Malaysian Psychiatric Association, 2008;).

Dapatan kajian ini juga berbeza dengan dapatan Lim (2008) yang menunjukkan bahawa faktor persekitaran akademik adalah salah satu faktor yang menyebabkan pelajar mengalami masalah kesihatan mental. Bahkan, lebih khas lagi kajian Baustad (1998) serta kajian Lessard (1998) mendapati bahawa stres dalam kalangan pelajar disebabkan oleh beban kerja akademik. Di samping itu, stres dalam kalangan pelajar mungkin juga seperti pernyataan Abdul Rahman Embong (2011) dan Kasim Mansur et al. (2009) disebabkan pengaruh persekitaran IPTA sama ada di Bandar ataupun Bandaraya dengan adanya arus globalisasi atau proses pembandaran yang materialistik, sehingga urbanisme sudah menjadi cara hidup dan unsur penting dalam peradaban masyarakat, khususnya masyarakat Malaysia. Hal ini menurut Wirth (1938) akan memunculkan sikap dan mentaliti individualisme, ketidakpedulian terhadap sesama dan kurangnya kawalan sosial formal.

Akan tetapi, dapatan kajian selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Abdul Rahman Embong (2011) yang mendapati bahawa kewujudan hubungan sosial baharu yang urban sifatnya tidak semestinya menyenapkan hubungan kekeluargaan dan komuniti. Oleh itu, Abdul Rahman Embong (2011) menyatakan bahawa peranan manusia sebagai agensi yang mampu membentuk semula hubungan dan organisasi sosial mereka bagi memenuhi tujuan kehidupan sosial berpandukan nilai-nilai budaya dan keagamaan masih tetap berlaku di bandar. Di Malaysia, hal ini dibuktikan oleh kajian Ainur Zaireen dan Jalaluddin (2010) di Bandaraya Shah Alam sebagai persekitaran UiTM dalam kajian ini yang mendapati bahawa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan konsep Bandar selamat yang amat bergantung kepada persekitaran fizikal, sehingga PBT telah melaksanakan langkah-langkah keselamatan menerusi pelbagai kegiatan kemasyarakatan untuk mencegah perilaku jenayah di kawasan tempat tinggal mereka. Maka, hal ini menunjukkan bahawa kesan negatif atau positif dari persekitaran terhadap individu dan kelompok, khususnya persekitaran IPTA terjadi sama ada persekitaran mempengaruhi individu dan kelompok ataupun sebaliknya.

Manakala kajian ini pula telah membuktikan bahawa jantina adalah bukan moderator dalam menjelaskan kesepaduan personaliti dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan UiTM. Dapatan ini selaras dengan kajian Md Safian (2007) yang mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara lelaki dan perempuan dari aspek kesihatan mental dan tahap produktiviti yang dalam kajian ini dimanifestasikan oleh kesepaduan personaliti. Selanjutnya, Marhani (2013) dan National Institute for Clinical Excellence (2003) juga menyatakan bahawa kebanyakan kecelaruan mental berlaku pada kadar yang sama antara perempuan dan lelaki. Pendapat yang lebih khas

dinyatakan oleh Farnsworth (1957) bahawa masa kuliah adalah menghampiri masa remaja yang menuntut kemampuan untuk memperoleh pelbagai ide di dalam memenuhi keperluan hidup sebagai orang dewasa, sama ada pelajar lelaki ataupun perempuan. Tuntutan yang direalisasikan dengan kemampuan berdikari yang berhubungkait dengan autonomi oleh kalangan pelajar dianggap bahawa dirinya telah memiliki autonomi dari orang tua mereka atau dikenal dengan *separation-individuation* (Jas Laile, 2002; Newman & Newman, 2009). Newman dan Newman (2009) lebih lanjut menjelaskan tentang aspek berdikari pada diri pelajar adalah diekspresikan dengan membuat keputusan sendiri, bertanggung jawab atas perbuatannya, bahkan pada tahap kemandirian kewangan. Di samping itu, kajian Baustad (1998) serta kajian Lessard (1998) mendapati bahawa kebanyakan kalangan pelajar IPT (Institut Pengajian Tinggi), sama ada lelaki mahupun perempuan menganggap beban kerja akademik sebagai penyebab stres dalam diri mereka.

Seterusnya, kajian Sharma (2012) serta Pascarella dan Terenzini (1991) mendapati bahawa bagi kebanyakan pelajar sama ada lelaki ataupun perempuan menganggap peralihan dari sekolah ke IPT (Institut Pengajian Tinggi) sebagai sebuah proses yang kompleks, sehingga peralihan ini digambarkan sebagai kejutan budaya yang melibatkan sosial yang ketara dan belajar kembali secara psikologis dalam menghadapi pelbagai ide, guru dan kawan yang baharu yang berlainan nilai serta kepercayaan, kebebasan dan peluang yang baharu, tuntutan akademik, peribadi dan sosial yang baharu.

Dapatan kajian ini juga disokong oleh kajian Wondimu dan Marjon (2006) serta Nasim, Robert, Harrell, dan Young (2005) yang menjelaskan bahawa tidak terdapat perbezaan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dari aspek konsep sendiri akademik yang dapat memainkan peranan dalam mempertingkatkan pencapaian akademik serta merupakan satu-satunya peramal bukan kognitif yang memberi kesan ke atas pencapaian akademik pelajar kolej. Selain daripada itu, kajian Yap (2000) dan Heng (2000) serta Tian (2006) begitu juga kajian Ruzina (2005) menjelaskan bahawa tidak terdapat perbezaan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dari aspek status sosioekonomi yang juga dapat memainkan peranan dalam mempertingkatkan pencapaian akademik. Selain daripada itu, kajian Harter (1999) menyatakan tentang autonomi bahawa rata-rata lelaki dan perempuan memiliki tingkat kesulitan yang sama dalam mengeluarkan pendapat ketika mereka berada di tingkat sekolah menengah pertama dan sekolah menengah atas.

## KESIMPULAN

Hasil kajian mendapati bahawa model pengukuran CFA bagi keenam konstruk adalah *fit* dengan data kajian walaupun secara sederhana dan menjelaskan bahawa semua indikator yang digunakan merupakan peramal yang signifikan.

Bagi menguatkan lagi pembentukan model penuh pengukuran maka pendekatan pengesahan silang (*cross validation*) dilakukan dan mendapati hasil analisis model dapat *fit* dengan data yang dikaji secara sederhana. Walaupun demikian ini juga membuktikan bahawa ke enam konstruk dalam kajian ini merupakan peramal yang penting bagi pembentukan kesepaduan personaliti dalam kalangan pelajar.

Sebagai rumusannya, secara am didapati mediator bagi kesepaduan personaliti dari sampel keseluruhan dan mengikut jantina iaitu persepsi realiti (PR) dimediasi oleh autonomi (AUTNI) secara separa. Ini menggambarkan bahawa persepsi realiti memainkan peranan yang penting ke atas pembentukan kesepaduan personaliti sama ada secara langsung ataupun melalui autonomi dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan UiTM. Manakala menguasai persekitaran (MP) dimediasi oleh sikap mengikut kumpulan (SMK) secara penuh. Hal ini pula menggambarkan bahawa menguasai persekitaran memainkan peranan yang sangat penting ke atas pembentukan kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan UiTM. Sedangkan penilaian sendiri yang positif (PKP) dimediasi oleh sikap mengikut kumpulan (SMK) dan autonomi (AUTNI) secara penuh. Begitu pula hal ini menggambarkan bahawa menguasai persekitaran memainkan peranan yang sangat penting ke atas pembentukan kesepaduan personaliti melalui sikap mengikut kumpulan dan autonomi dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan UiTM.

Akhir sekali, golongan pelajar merupakan aset yang sangat berharga kepada pembangunan serta kemajuan sesebuah negara. Pelajar merupakan individu yang berperanan sebagai bakal pemimpin dan akan membawa negaranya ke hadapan supaya dapat bersaing dengan arus globalisasi yang mencirikan inovasi. Oleh kerana itu, pembentukan kesepaduan personaliti dalam diri pelajar adalah sangat penting kerana pelajar akan memiliki keseimbangan psikik, mampu memahami dan berkongsi perasaan terhadap orang lain, mampu memberikan tumpuan dalam pembelajaran

dan akan berminat untuk beraktiviti. Maka, diharapkan hasil kajian ini akan dapat menyumbang kesedaran ke arah melahirkan pelajar yang mempunyai kesepaduan personaliti seperti yang dihasratkan sebagai modal insan yang diimpikan pada masa hadapan dengan memiliki kualiti dari segi ilmu pengetahuan serta mempunyai perkembangan aspek-aspek personaliti yang cemerlang supaya dapat menghadapi cabaran, pengaruh dan persaingan sehingga tidak melenyapkan jati diri bangsa dan negara akibat daripada hanyut arus globalisasi (Jabatan Perdana Menteri, 2010).

## RUJUKAN

- Ab. Alim Abdul Rahim. (1994). *Pengantar psikologi bilazim*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Embong. (2011). Pembandaran dan kehidupan bandar di Semenanjung Malaysia (Urbanisation and Urban Life in Peninsular Malaysia). *Akademika*, 81(2), 23-39.
- Adler, A. (1935). The fundamental view of individual psychology. *International Journal of Individual Psychology*, 1, 1-8.
- Ainur Zaireen Zainudin, & Jalaluddin Abdul Malek. (2010, September). Keberkesanan Program Bandar Selamat dari persepsi penduduk kajian kes: Bandaraya Shah Alam. *Jurnal Teknologi*, 53, 13–34.
- Ardilla, Fauziya & Herdiana, Ike. (2013). Self-Acceptance in Woman Inmates/Penerimaan Diripada Narapidana Wanita. *Jurnal Psikologi Kepribadian dan Sosial*, 2(1).
- Ary, D., Jacobs, L. C., & Razavieh, A. (2002). *Introduction to research in education* (6th ed.). Belmont, CA: Wadsworth.
- Bee, Helen L. & Boyd, Denise. (2009). *The developing child* (12th ed.). Boston, MA: Pearson.
- Bojuwoye, O. (2002). Stressful experiences of first year students of selected universities in South Africa. *Counselling Psychology Quarterly*, 15(3), pp. 277-290.
- Bandalos, D. L., & Finney, S. J. (2001). Item Parceling Issues In Structural Equation Modeling. In G. A. Marcoulides & R. E. Schumacker (Eds.), *New developments and techniques in Structural Equation Modeling* (pp. 269-296). Mahwah, NJ: Erlbaum.
- Baustad, Tammy J. D.(1998). Junior High School interventions for students stress and workload. *Guidance & Counseling*, 14(1), pp. 23-27.
- Brislin R. W. (1970) Back-translation for cross-cultural research. *Journal of Cross-Cultural Psychology*, 1, 185-216.
- Brislin, R. W. (1980). Translation and content analysis of oral and written material. In H. C. Triandis & J. W. Berry (Eds.), *Handbook of cross-cultural psychology* (pp. 389-444). Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Browne, M. W., & Cudeck, R. (1993). Alternative ways of assessing model fit. In K. A. Bollen & S. Long (Eds.), *Testing Structural Equation Models* (pp. 136-162). Newbury Park CA: Sage.
- Byrne, B. M. (2001). *Structural Equation Modeling With AMOS*. Mahwah, NJ: Erlbaum.
- Chammilard, A. T., & Sward, R. E. (2005). Learning styles across the curriculum. In *Annual Joint Conference Integrating Technology into Computer Science Education* (pp. 241-245).
- Duck, S. A. (1981). Topography of relational disengagement and dissolution. In *Personal relationships* (4th ed.). New York, NY: Academic Press.
- Engler, B. (1991). *Personality theories: An introduction* (3rd ed.). Boston, MA: Houghton Mifflin.
- Falsafah dan pendidikan di Malaysia. (2008). Dimuat turun daripada <http://www.scribd.com/doc/4535706/Falsafah->

dan-Pendidikan-di-Malaysia

- Farnsworth, Dana L. (1957). *Mental health in college and university*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Fisher, Shirley. (1994). *Stress in academic life: The mental assembly line*. Buckingham: Society for Research into Higher Education & Open University Press.
- Frank, E., Carpenter, L. L., & Kupfer, D. J. (1988). Sex differences in recurrent depression: Are there any that are significant? *American Journal of Psychiatry*, 145, 41-45.
- Hambly, K. (1997). *Self-confidence*. (B. Bicakci, Trans.). Istanbul, Turkey: Rota.
- Harkness, Janet A. (2003). Questionnaire translation. In Janet A. Harkness, Fons J. R. van de Vijver & Peter Ph. Mohler (Eds.), *Cross cultural survey methods* (pp. 35-56). New York, NY: Wiley.
- Harter, S. (1999). *The construction of the self: A developmental perspective*. New York, NY: Guilford Press.
- Heads of University Counselling Services (HUCS). (1999). *Degrees of disturbance: The New agenda*. Rugby: BAC.
- Heng, G. W. (2000). *Pengaruh status sosioekonomi keluarga dan sikap pelajar terhadap pencapaian akademik: Satu kajian di Melaka*. (Tesis sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya).
- Hopkins, W. G. (2000). Quantitative Research Design. *Sportscience*, 4(1). Dimuat turun daripada [http://www.sportsci.org/jour/0001/wghdesign.html#indiv\\_diffs](http://www.sportsci.org/jour/0001/wghdesign.html#indiv_diffs)
- Horney, K. (1950). *Neurosis and human growth: The struggle toward self-realization*. New York, NY: Norton.
- Hoyle, R. H. (1995). *Structural Equation Modeling: Concept, issues and applications*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Hu, L. T., & Bentler, P. M. (1993). *Fit Indexes In Covariance Structural Equation Modeling*. Unpublished Manuscript.
- Hu, L. T., & Bentler, P. M. (1999). Cutoff Criteria for Fit Indexes in Covariance Structure Analysis: Conventional criteria versus new alternatives. *Structural Equation Modeling*, 6(1), 1-55.
- Ignoffo, M. (1999). *Everything you need to know about self-confidence* (Rev. Ed.). New York, NY: Rosen.
- Ishizuka, Yukio (1988). Lifetrack therapy. *Psychiatric Journal University Ottawa*, 13(4), pp. 197-207.
- Jabatan Pengajian Tinggi. (2007). Laman Web Rasmi Jabatan Pengajian Tinggi. Dimuat turun daripada <http://jpt.mohe.gov.my/>
- Jabatan Perdana Menteri. (2010). *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri:
- Jagdis, & Srivastava, A. K. (1999). *Manual for Mental Health Inventory*. Varanasi, India: Manovaigyanik Parikchan Sansthan.
- Jahoda, Maria. (1958). *Current concepts of positive mental health*. New York, NY: Basic Books.
- Jamaludin Ramli. (2014). Konsep sendiri. Dimuat turun daripada <http://eprints.utm.my/10353/1/bab6.pdf>
- Jas Laile Suzana Jaafar. (2002). *Psikologi remaja*. Selangor: Pearson Malaysia.
- Kamal Abd. Manaf. (1996). *Masalah dan penyelesaian dalam kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan.
- Kamarulzaman Kamaruddin. (2009). *Psikologi perkembangan*. Perak: IPTA Pendidikan Sultan Idris.

- Kaplan, D. (2000). *Structural Equation Modeling*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Kasim Mansur, Gusni Saat, & Said Effendi. (2009, Disember). Kajian kes pelaburan pendidikan modal insan di kalangan suku kaum Sama-Bajau di Kota Kinabalu: Halatuju dan cabaran. *Jurnal Kemanusiaan*, 14.
- Katiman Rostam. (2006, Januari). Migrasi ke kawasan pinggir Wilayah Metropolitan Lembah Klang (Migration to Klang Valley Metropolitan Peripheral Area). *Akademika*, 68, 3-27.
- Kenny, D. A. (2003). Structural Equation Modeling. Dimuat turun daripada <http://davidakenny.net/cm/causalm.htm>
- Kenny, D. A., & McCoach, D. B. (2003). Effect of the number of variables on Measures of Fit in Structural Equation Modeling. *Structural Equation Modeling*, 10(3), 333-51.
- Kline, R. B. (2005). *Principles and practice of Structural Equation Modeling* (2nd ed.). New York, NY: Guilford Press.
- Koc, M., & Polat, U. (2006). Universite ogrencilerin ruh sagligi. *Insan Bilimleri Dergisi*, 3(2), 1-22.
- Kuncoro, Mudrajat. (2007). *Metode kuantitatif, teori dan aplikasi untuk Bisnis dan Ekonomi*. Yogyakarta: UPP STIM YKPN.
- Langgulong, Hassan. (1983). *Teori-teori Kesehatan Mental-Perbandingan Psikologi Moden Dan Pendekatan Pakar-Pakar Pendidikan Islam*. Kajang, Selangor: Pustaka Huda.
- Lessard, J. J. (1998). Adolescent stress and workload: From bamboo seed to flying. *Guidance & Counseling*, 14(1), 15-19.
- Lim, Hoo Chee. (2008). *Analisis profil kesihatan mental pelajar IPTA Malaysia Sabah*. (Disertasi, Universiti Malaysia Sabah).
- Mahmoudi, Armin. (2012, January). Emotional maturity and adjustment level of college students. *Education Research Journal*, 2(1), 18 - 19.
- Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malaysian Psychiatric Association (2008). Diperoleh daripada <http://www.psychiatry-malaysia.org/article.php?aid=905>
- Malaysian Psychiatric Association (2010). Diperoleh daripada <http://www.psychiatry-malaysia.org/article.php?aid=1245>
- Marhani Bt. Midin. (2013). Kesihatan Mental dan Wanita. Diperoleh daripada <http://www.myhealth.gov.my/index.php/en/kesihatan-mental-dan-wanita>
- McKay, M., & Fanning, P. (2000). *Self-esteem*. Oakland, CA: New Harbinger.
- Md Safian Bin Mohd Tajuddin. (2007). *Kesan aspek kesihatan terhadap produktiviti kerja dalam kalangan pensyarah maktab perguruan*. (Tesis, Universiti Sains Malaysia).
- Md. Shuaib, Che Din. (1985). *Mental health status of Malay students at U.S. colleges and universities*. (Ph.D thesis, University of Michigan, Ann Arbor).
- Meichati, S. (1983). *Kesehatan mental*. Jakarta: PT. Gunung Agung.
- Mental Health Foundation. (2001). Promoting student mental health. *Mental Health Foundation Updates*, 2(11). Dimuat turun daripada [www.mentalhealth.org.uk/](http://www.mentalhealth.org.uk/).
- Md Safian Bin Mohd Tajuddin. (2007). *Kesan aspek kesihatan terhadap produktiviti kerja dalam kalangan pensyarah maktab perguruan* (Tesis Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang).

- Meichati, S. (1983). *Kesehatan mental*. Jakarta: PT. Gunung Agung.
- Mental Health Foundation. (2001). Promoting student mental health. *Mental Health Foundation Updates*, 2(11). Dimuat turun daripada [www.mentalhealth.org.uk/](http://www.mentalhealth.org.uk/)
- Ministry Of Health Malaysia. (2011). Annual Report. ISSN 1511-1512 MOH/S/RAN/32, 12 (AR).
- Mutluer, S. (2006). *Ozguven olusmasinda manevi degerlerin rolu*. (Unpublished Master thesis, University of Ankara).
- Nasim, A., Robert, A., Harrell, J. P., & Young, H. (2005). Non-cognitive predictors of academic achievement for African Americans across cultural contexts. *The Journal of Negro Education*, 74(4), 344-358.
- National Institute for Clinical Excellence. (2003). *Mental Health*. Dimuat turun daripada <http://www.chances4volunteering.org/toolkit/mental-health/>
- National Statistics. (2003). Better or Worse: A Longitudinal Study of the Mental Health of Adults In Great Britain. Dimuat turun daripada <http://www.chances4volunteering.org/toolkit/mental-health/>
- National Statistics on Psychiatric Morbidity. (2001). Dimuat turun daripada <http://www.chances4volunteering.org/toolkit/mental-health/>
- Neill, James. (2005). Definitions of Various Self Constructs: Self-esteem, self-efficacy, self-confidence & self-concept. Dimuat turun daripada <http://wilderdom.com/self/>
- Newman, Barbara M., & Newman, P. R. (2009). *Development through life: A psychosocial approach*. New York, NY: Pre-Press.
- Pascarella, E. T., & Terenzini, P. T. (1991). *How college affects students: Findings and insights from twenty years of research*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Philips, E. L. (1977). *Day to day anxiety management*. Huntington, NY: Krieger.
- Punch, K. F. (1998). *Introduction to Social Research: Quantitative and qualitative approaches*. London, UK: Sage.
- Reid, J. M. (1998). *Understanding learning styles in the second language classroom*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall Regents.
- Rice, F. P. (2001). *Human development: A life-span approach*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Ridha, Muhammad. (2012). Hubungan antara body image dengan penerimaan diri pada pelajar aceh di Yogyakarta. Dimuat turun daripada <http://journal.uad.ac.id/index.php/EMPATHY/article/view/1419/803>
- Rogers, C. (1987). Dalam Kasturi Bai. (2013). Self-Esteem di kalangan Penagih Alkohol. Dimuat turun daripada <http://www.myhealth.gov.my/index.php/en/self-estreeem-di-kalangan-penagih-alkohol>
- Royce, D. (1999). *Research methods in Social Work* (3rd ed.). Chicago, IL: Nelson-Hall.
- Rutledge, T. (2000). *Earning your own respect: A handbook of personal responsibility* (A. Cakiroglu, Trans.). Istanbul, Turkey: Kuraldisi.
- Ruzina Jusoh. (2005). *Perkaitan antara pencapaian akademik dan gaya keibubapaan pelajar Tingkatan 3 di sebuah sekolah menengah di USJ Subang*. (Tesis sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya).
- Sabitha Marican. (2006). *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Sar, Ali Haydar, Avcu, Ramazan, & Isiklar, Abdullah. (2010). Analyzing undergraduate students' self confidence levels in terms of some variables. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 5, 1205-1209.

- Sharkey, Wendy. (1997). Erik Erikson (1902 - 1994 ). Dimuat turun daripada <http://www.muskingum.edu/~psych/psycweb/history/erikson.htm>
- Sharma, Bharti. (2012). Adjustment and emotional maturity among first year college students. *Pakistan Journal of Social and Clinical Psychology*, 10(2), 32-37.
- Sinco, Brandy R. & Chapman, P. L. (2013). Adventures in Path Analysis and Preparatory Analysis. Dimuat turun daripada <http://www.mwsug.org/proceedings/2013/AA/MWSUG-2013-AA05.pdf>
- Solikin, Asep. (2012). The Protean Career (Karakteristik dan Pola Pekerjaan di Abad 21). Dimuat turun daripada <http://www.latansamashiro.ac.id/itm/download/artikel%201.pdf>
- Suicide Prevention Resource Center. (2004). *Promoting mental health and preventing suicide in college and university settings*. Newton, MA: Education Development Center.
- Steiger, J. H. (2007). Understanding the limitation of Global Fit Assessment in Structural Equation Modeling. *Personality and Individual Differences*, 42(5), 893-98.
- Sufean Hussin. (2004). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, sistem dan falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Supratiknya. (1995). *Komunikasi antar pribadi*. Yogyakarta, Indonesia: Kanisius.
- Teng, Ang Kim. (2011). *Current perspectives in mental health*. Presentation at the 3rd Asia Pacific Conference on Public Health, Grand Dorsett Subang Hotel, 15 Nov. 2011.
- Tian, M. (2006). A quantile regression analysis of family background factor effects on mathematical achievement. *Journal of Data Science*, 2, 1-21.
- Ulug, O. M. (1997). *Nicin Oyun?* (1st ed.). Istanbul: Gocebe.
- Vathanopas, V., & Thai-ngam, J. (2007). Competency requirements for effective job performance in the Thai public sector. *Contemporary Management Research*, 1, 45-70.
- Wan Abdul Kader Wan Ahmad. (1994). *Kaunseling kelompok berstruktur pengurusan kebimbangan sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Su Hj Haron. (2012). Hubungan Personaliti, Kemahiran Sosial, Kebimbangan Dan Rakan Sebaya Dengan Tingkah Laku Devian Di Kalangan Pelajar IPTA. Dimuat turun daripada <http://dspace.unimap.edu.my/dspace/bitstream/123456789/5839/1/HUBUNGAN%20PERSONALITI,%20KEMAHIRAN%20SOSIAL,%20KEBIMBANGAN%20DAN%20RAKAN%20SEBAYA%20DENGAN%20TINGKAH%20LAKU%20DEVIAN%20DI%20KALANGAN%20PELAJAR%20IPTA.pdf>
- Wilkinson, R. T. (1975). Noise, incentive and prolonged work: Effects on short term memory. Paper presented at the meeting of the American Psychological Association, Chicago.
- Wirth, L. (1938). Urbanism as a way of life. *American Journal of Sociology*, 44, 1-24.
- Wondimu, A., & Marjon, B. (2006). A structural model of self-concept, autonomous motivation and academic performance in cross-cultural perspective. *Electronic Journal of Research in Educational Psychology*, 4(3), 551-576.
- World Health Organization. (2004). *Promoting mental health: Concepts, emerging evidence, practice*. Geneva: Penulis.
- Yap, Y. F. (2000). *Hubungan antara penglibatan ibu bapa dan status sosioekonomi dengan pencapaian akademik*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.